

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

HAMIDAH BT MOHD SAMAN @ HJ MOHAMED

KETUA UNIT KUALITI :

NORNIZAR BINTI ANUAR

PENYELARAS :

NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI

PENULIS :

1. NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI
2. NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI
3. NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI
4. MOHD AMIZAN BIN MOHAMED @ ARIFIN
5. AZRENA BINTI WAN CHIK
6. AZRENA BINTI WAN CHIK
7. AZRENA BINTI WAN CHIK

8. MUHAMAD FITRI BIN OTHMAN
9. HABSAH BINTI ALWI
10. FUZIEAH BINTI SUBARI
11. HAFIZI BIN LUKMAN
12. SITI AISHAH BINTI MAT JAYA
13. WAN ROSMARIA BINTI WAN AHMAD
14. MOHAMAD FAHMI BIN HUSSIN @ MOHAMAD
15. NADIAHNOR BINTI MD YUSOP
16. AMIZON BT AZIZAN
17. WAN ZUKRI BIN WAN ABDULLAH
18. JEZAN BIN MD DIAH
19. NORBAYA BINTI HAJI SIDEK
20. MOHD SUHAIRIL BIN MEON
21. MUHAMAD SUKRI BIN HADI
22. NUR IDORA BINTI ABDUL RAZAK
23. SHU'AIBI BIN HAJI ZAINAL ABIDIN
24. MUHD FAIZ BIN MAT @ MUHAMMAD
25. PUTERI SARAH BINTI MOHAMAD SAAD
26. MIRADATUL NAJWA BINTI MUHD RODHI
27. NOR FARAHAIDA BINTI ABDUL RAHMAN
28. MOHD FADZIL BIN ARSHAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan Pengurusan Kanan KPK untuk Pengurusan dan Pembangunan Pelajar

Pengurusan Kanan Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) memainkan peranan penting dalam memacu kecemerlangan pelajar berlandaskan visi dan misi UiTM. Pendekatan ini melibatkan pelaksanaan langkah-langkah strategik untuk memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar di KPK mencapai aspirasi dan matlamat yang ditetapkan.

Pengurusan Kanan KPK telah membentuk **struktur organisasi** yang mantap di bawah **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP KPK)**. Tiga (3) unit utama iaitu **Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Unit Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar serta Unit Pentadbiran**. Unit-unit ini dikoordinasikan untuk menggerakkan aktiviti pelajar selaras dengan elemen **UiTM Educational Objectives**. Jawatankuasa khusus juga ditubuhkan untuk memperkukuh pengurusan dan pembangunan pelajar, dengan tumpuan kepada aspek **kepimpinan, kebajikan dan disiplin**. Selain daripada itu, organisasi pentadbiran di HEP KPK juga turut diperkuatkan dengan keterlibatan daripada **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)**.

Untuk tahun 2023, **HEP KPK** telah melaksanakan tiga (3) projek utama: **International Community Engineer (i-COME), Engineer Career Development (ECD), dan Competition Innovation Internationalisation and Leadership (CIIL)**. Projek-projek ini bertujuan meningkatkan **keterlibatan pelajar di peringkat antarabangsa, membina kemahiran kejuruteraan, dan memupuk kepimpinan** melalui pendedahan dalam pertandingan dan latihan industri. HEP KPK juga menggunakan pelbagai medium komunikasi untuk memastikan penyebaran maklumat dan pelaksanaan inisiatif yang efektif, termasuk **penggunaan media sosial** dan platform **eCAKNA**.

Pelan tindakan pemantauan dilaksanakan melalui **mesyuarat berkala** yang memastikan semua objektif dicapai dengan berkesan. HEP KPK juga **mengenal pasti risiko** seperti keselamatan pelajar, kesihatan mental, kekangan kewangan dan kurangnya sambutan pelajar dalam aktiviti. Untuk **menangani risiko** ini, HEP KPK telah mengadakan kursus keselamatan, taklimat kesihatan mental, dan langkah penjimatan kos. Selain itu, **pendekatan proaktif** dalam promosi dan pemantapan pengurusan aktiviti juga dilakukan untuk meningkatkan penyertaan pelajar.

Pengurusan Kanan KPK **membudayakan objektif dan inisiatif strategik** melalui penerapan nilai-nilai **ESI-iDART (Excellence, Synergy, Integrity-Discipline, Responsibility, Trustworthiness)** dalam diri pelajar. HEP KPK juga menyediakan peluang pembelajaran profesional seperti **Kursus Kad Hijau** dan **IEM Registration Day** untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Peningkatan **penyertaan di peringkat antarabangsa** melalui program seperti **Global Engineers Leadership Exchange** dan **penganjuran aktiviti tahunan** seperti **Kursus Pemantapan Kepimpinan** adalah antara langkah yang diambil untuk memastikan pembangunan holistik pelajar.

Melalui **pendekatan yang komprehensif dan berterusan** ini, Pengurusan Kanan KPK yakin bahawa **aspirasi UiTM untuk melahirkan graduan yang berdaya saing dan berintegriti tinggi** dapat dicapai menjelang **tahun 2025**.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah yang diamalkan oleh Pengurusan Kanan Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) untuk menggerakkan bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar adalah dengan sentiasa memastikan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Pengajian Kejuruteraan (HEP KPK) bergerak sepadan ke arah hala tuju yang digariskan oleh pihak pengurusan tertinggi Universiti Teknologi MARA (UiTM). Ini adalah sangat penting bagi KPK dalam mencapai **Key Performance Index (KPI)** yang telah ditetapkan di mana tiga (3) aspek utama yang ditekankan dalam mencapai **Globally Renowned University (GRU) 2025** di bawah **Strategic Trust UiTM** yang pertama iaitu Pendidikan Berkualiti yang merangkumi aspek **Education 5.0, Entrepreneurial and Well-Balanced Graduates** dan **Wideband Access** menjadi asas pegangan penetapan KPI. Bagi tujuan ini, semua aktiviti pelajar yang dijalankan mestilah **merangkumi salah satu elemen UiTM Educational Objectives** yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM.

Pemerkasaan struktur organisasi HEP KPK amat penting bagi memenuhi aspirasi Pengurusan Kanan KPK dalam menggerakkan bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar pada tahap yang optimum. Justeru itu, satu struktur organisasi HEP KPK dibentuk dengan diketuai oleh Dekan HEP KPK dan didokong oleh tiga (3) Ketua Unit iaitu Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Unit Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar serta Unit Pentadbiran HEP KPK (**Lampiran 1.1**). HEP KPK dibantu oleh seorang Penolong Pendaftar Kanan, dua(2) orang Koordinator, empat(4) orang Penyelaras, dua(2) orang Pegawai Eksekutif dan empat(4) orang Kerani. **Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar** berfungsi menyelaras kegiatan pelajar seperti aktiviti berpersatuan, intelektual, kepimpinan, sukan, kebudayaan, keusahawanan, keagamaan dan sosial. Ia juga berfungsi untuk mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti dan program pembangunan pelajar (**Lampiran 1.2 (a)**). **Unit Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar** pula berfungsi untuk menjaga dan mengendalikan kebajikan dan kesejahteraan para pelajar kejuruteraan sepanjang pengajian di UiTM (**Lampiran 1.2 (b)**). Manakala **Unit Pentadbiran** pula merupakan unit sokongan dan operasi bagi kedua-dua unit utama di HEP KPK dalam memastikan urusan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar berjalan lancar (**Lampiran 1.2(c)**).

Selain daripada itu, jawatankuasa dengan fungsi yang jelas dibentuk bagi memperkasakan pengurusan dan pembangunan pelajar KPK dan adalah seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar KPK- lantikan Penolong Naib Canselor KPK;
- ii) Jawatankuasa Eksekutif HEP KPK- lantikan Penolong Naib Canselor KPK;
- iii) Jawatankuasa Tatatertib dan Sahsiah Rupidiri Pelajar – lantikan Naib Canselor UiTM;
- iv) Jawatankuasa Penemuduga Zakat Pelajar – lantikan Naib Canselor UiTM; dan
- v) Barisan Penasihat Persatuan Pelajar – lantikan Timbalan Naib Canselor HEP UiTM.

Dari struktur HEP KPK ini, maka **objektif dan inisiatif strategik** yang menjurus kepada **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** dirancang dan digerakkan.

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_K01_KB02_20241_Lampiran 1.1 - Carta Organisasi HEP KPK.pdf](#)
2. [B0081_K01_KB02_20242_Lampiran 1.2 \(a\) - Skop Tugas Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar.pdf](#)
3. [B0081_K01_KB02_20243_Lampiran 1.2 \(b\) - Skop Tugas Unit Kebajikan dan Kesejahteraan.pdf](#)
4. [B0081_K01_KB02_20244_Lampiran 1.2 \(c\) - Skop Tugas Unit Pentadbiran HEP KPK.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

HEP KPK melaksanakan **objektif** dan **inisiatif strategik** yang telah dirancang bagi bidang Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Pihak HEP KPK sentiasa bertindak **proaktif** untuk memastikan objektif dan inisiatif strategik KPK tetap mantap, mampu memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan, serta mendapat **pengiktirafan antarabangsa**.

Bagi tahun 2023, HEP KPK telah melaksanakan tiga(3) projek utama bagi objektif dan inisiatif strategik yang berteraskan kepada Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Projek- projek utama yang dilaksanakan adalah:

i) KPK-HEP 01: *International Community Engineer (i-COME)*

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam komuniti antarabangsa dan membina kemahiran kejuruteraan mereka melalui kolaborasi antarabangsa.

ii) KPK-HEP 02: *Engineer Career Development (ECD)*

Menyediakan pelajar dengan peluang untuk mengembangkan kerjaya mereka melalui latihan, pendedahan industry dan pembangunan profesional.

iii) KPK-HEP 03: *Competition, Innovation, Internationalisation and Leadership (CIIL)*

Memfokuskan pada pembangunan pelajar dalam aspek inovasi, penyertaan dalam pertandingan antarabangsa dan peningkatan kemahiran kepimpinan.

Tiga(3) projek utama ini yang diterajui oleh HEP KPK mendapat sokongan dari kesemua pengajian di bawah KPK iaitu Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Pengajian Kejuruteraan Kimia. Pihak HEP KPK melihat keperluan untuk keterlibatan setiap pengajian dalam menjayakan inisiatif strategik ini. Oleh yang demikian, HEP KPK turut **mendelegasikan kuasa** tertentu dalam pelaksanaan inisiatif strategik ini kepada **penyelaras yang kompeten**, dan **jawatankuasa khas/ ad-hoc** di peringkat pengajian. Selain daripada itu, aktiviti- aktiviti pelajar ini juga mendapat sokongan daripada **Persatuan Pelajar (Lampiran 1.3)**.

Bagi memastikan setiap inisiatif dapat dilaksanakan dengan jayanya, dan penyebaran **maklumat yang efektif** dan berkesan kepada pihak-pihak berkepentingan, terdapat pelbagai **medium komunikasi** yang digunakan oleh pihak kepimpinan HEP KPK. Antara kaedah komunikasi dua hala dan terbuka yang diamalkan adalah sesi Amanat PNC, taklimat dan sesi soal jawab Ketua- Ketua Unit HEP KPK bersama pelajar KPK semasa Program Pemantapan Destini Siswa (PDS), perjumpaan dan mesyuarat bersama warga KPK (**Lampiran 1.4**).

Seiring dengan **perkembangan teknologi terkini** dan sifat Generasi Z , **aplikasi media sosial** seperti *WhatsApp, Facebook, Instagram* HEP, *Telegram* Info HEP KPK, laman sesawang HEP KPK, dan emel turut dijadikan sebagai saluran komunikasi utama bagi menyampaikan maklumat berkaitan kepada pelajar (**Lampiran 1.5**). Ini sejajar dengan prinsip kepimpinan kanan yang sentiasa menggalakkan **cetusan idea baru** untuk tujuan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan HEP KPK. Selain itu, HEP KPK turut membangunkan satu platform yang dinamakan sebagai **eCAKNA** bertujuan untuk membolehkan para pelajar mengajukan sebarang permasalahan, pertanyaan dan cadangan berkaitan Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar serta aktiviti Pengurusan dan Pembangunan Pelajar sepanjang pengajian di KPK.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_K01_KB03_20241_Lampiran 1.3 - Senarai Persatuan Kelab Pelajar KPK.pdf](#)

2. [B0081_K01_KB03_20242_Lampiran 1.4 - Taklimat HEP FDS.pdf](#)
3. [B0081_K01_KB03_20243_Lampiran 1.5 - MEDIA SOSIAL HEP.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan **tindakan pemantauan berterusan** telah dilaksanakan melalui pelbagai mekanisma. Antara mekanisma tersebut termasuklah **mesyuarat pengurusan, pembentangan bajet aktiviti pelajar, kertas kerja dan laporan aktiviti pelajar**. Usaha ini bertujuan memastikan segala objektif yang ditetapkan dapat dicapai dengan berkesan. Terdapat tiga(3) mesyuarat utama HEP untuk merancang, meluluskan dan memantau aktiviti pelajar.

Senarai Mesyuarat HEP KPK yang diadakan bagi tujuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar adalah seperti berikut:

- i) Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (JKE KPK). JKE KPK diadakan sebulan sekali (**Lampiran 1.6**) bagi melihat kemajuan pencapaian semua inisiatif objektif HEP serta membincangkan perkembangan dan isu-isu berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar.
- ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) (**Lampiran 1.7**): JKPAP diadakan sebulan sekali untuk merancang dan menguruskan aktiviti-aktiviti pelajar di KPK.
- ii) Mesyuarat Eksekutif Pengurusan HEP KPK (**Lampiran 1.8**): Mesyuarat ini melibatkan pihak pengurusan tertinggi HEP KPK untuk membincangkan hal-hal berkaitan dasar, strategi, dan pelaksanaan program-program pembangunan pelajar. Mesyuarat ini juga berfungsi sebagai platform untuk membuat keputusan penting yang mempengaruhi kebajikan dan pembangunan pelajar. Mesyuarat ini juga diadakan untuk menyelaraskan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh HEP KPK. Ia bertujuan untuk memastikan segala aktiviti dan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Dengan adanya mekanisma ini, Pengurusan Kanan KPK dan HEP KPK dapat **memantau dan segala permasalahan dapat dikenalpasti lebih awal** dan **tindakan penyelesaian** dapat dibuat. Ini amat penting untuk memastikan segala **objektif strategik** yang telah dirancang dapat dicapai dengan jayanya.

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_K01_KB04_KC01_20241_Lampiran 1.6 - Sampel Minit Mesyuarat Eksekutif KPK.pdf](#)
2. [B0081_K01_KB04_KC01_20242_Lampiran 1.7 - Sampel MINIT MESYUARAT JKPAP KPK KALI KE-24 BIL 3 2023.pdf](#)
3. [B0081_K01_KB04_KC01_20243_Lampiran 1.8 - Sampel Minit Mesyuarat Eksekutif HEP KPK.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam konteks **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**, terdapat beberapa **risiko utama** yang telah dikenal pasti oleh HEP KPK. Risiko-risiko ini perlu **ditangani dengan berkesan** untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan perkembangan holistik pelajar.

Pengurusan Kanan HEP KPK telah **bertindak ke atas risiko** sesuatu inisiatif bagi bidang tumpuan yang telah dipilih dan diterangkan seperti berikut:

i) Keselamatan Pelajar:

Risiko keselamatan pelajar adalah salah satu yang paling kritikal. Kecederaan dan kemalangan semasa aktiviti pelajar adalah antara risiko yang dikenal pasti. Punca utama risiko ini termasuk kekurangan taklimat keselamatan, ketidakpatuhan terhadap prosedur keselamatan dan kurangnya persediaan kecemasan. Impak dari risiko ini boleh menjadi serius, termasuk kecederaan fizikal kepada pelajar. **Kaedah kawalan** yang dilaksanakan termasuk taklimat keselamatan, penyediaan poster keselamatan dan pelan kebakaran serta penyediaan kotak peti kecemasan. Tambahan pula, kursus keselamatan wajib diadakan bagi peserta program yang melibatkan aktiviti fizikal di luar kampus.

ii) Masalah Kesihatan Mental:

Risiko kesihatan mental dalam kalangan pelajar juga merupakan isu yang semakin membimbangkan. Gangguan mental seperti depresi, hilang motivasi, dan keresahan melampau boleh memberi kesan negatif kepada pelajar. Punca risiko ini termasuk tekanan akademik dan sosial. **Kaedah kawalan** yang telah diambil adalah melalui taklimat oleh Unit Kaunseling dan penganjuran program kesihatan mental. Pemantauan aduan kesihatan mental dilakukan melalui sistem eCAKNA, dan tahap kesihatan mental pelajar dipantau setiap semester. Ujian kesihatan mental juga dijalankan untuk pelajar yang akan menjalani latihan industri.

iii) Kekangan Kewangan untuk Aktiviti Pelajar:

Masalah kewangan boleh menyebabkan aktiviti pelajar tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ketiadaan dana yang mencukupi mengakibatkan beberapa permohonan aktiviti pelajar terpaksa diluluskan tanpa pembiayaan yang memadai. **Langkah-langkah penjimatan** seperti mengurangkan honorarium penceramah dan menggabungkan program yang serupa telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Selain itu, usaha untuk menjana pendapatan melalui sumbangan pembiayaan dari pihak penaja juga digalakkan.

iv) Kurang Sambutan Pelajar dalam Aktiviti:

Kurangnya sambutan daripada pelajar untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan adalah risiko yang boleh menjejaskan keberkesanan program. **Promosi melalui media sosial dan kursus pengurusan organisasi** diadakan untuk meningkatkan penyertaan. Pemantapan pengurusan aktiviti pelajar dan kerjasama dengan penasihat akademik juga diambil untuk memastikan program mendapat sambutan yang baik.

Semua risiko ini didaftarkan dan direkodkan dalam sistem eRMS (**Lampiran 1.13**).

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_K01_KB04_KC02_20241_Lampiran 1.13 – Daftar Risiko HEP \(Disember 2023\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan KPK meningkatkan prestasi daripada hasil tindakan penambahbaikan bagi Pengurusan dan Pembangunan Pelajar yang diterangkan melalui kaedah seperti berikut:

Pertama, *post-mortem* diadakan bagi setiap aktiviti yang berskala besar. Tujuan utama *post-mortem* ini adalah untuk menilai keberkesanan aktiviti yang telah dilaksanakan dan **mengenalpasti ruang untuk penambahbaikan** bagi program yang akan datang. Proses ini melibatkan perbincangan dan analisis mendalam mengenai setiap aspek aktiviti, termasuk perancangan, pelaksanaan, dan hasil yang dicapai. Melalui sesi ini, sebarang kelemahan atau isu yang timbul dapat dikenalpasti dan ditangani dengan lebih berkesan pada masa hadapan.

Kedua, Hari Pemantapan Tadbir Urus Organisasi diadakan bagi Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar membuat semakan dan pemantauan terhadap 23 kelab dan persatuan yang didaftarkan di bawah HEP KPK. Acara ini memberikan *platform* kepada HEP KPK untuk **berinteraksi secara langsung** dengan wakil kelab dan persatuan, membincangkan prestasi mereka, dan memberi panduan serta sokongan untuk meningkatkan tadbir urus organisasi masing-masing. Pemantauan ini juga memastikan bahawa kelab dan persatuan menjalankan aktiviti mereka selaras dengan objektif yang ditetapkan oleh HEP KPK.

Ketiga, setiap aktiviti pelajar turut disertakan dengan ***Exit Survey* (Lampiran 1.9(a))** untuk mendapatkan maklumbalas daripada setiap peserta program mengenai keberkesanan program yang dijalankan. Analisa *Exit Survey* ini adalah penting untuk membolehkan pihak HEP KPK **membuat penilaian** sama ada program yang telah dijalankan mampu **memberi nilai tambah** dalam memastikan kemenjadian dan pembangunan pelajar. **Maklumbalas** yang diterima daripada *Exit Survey* ini digunakan sebagai panduan untuk memperbaiki aspek-aspek tertentu dalam program yang akan datang seperti kandungan program, kaedah penyampaian dan logistik (**Lampiran 1.9 (b)**).

Secara keseluruhannya, melalui pendekatan-pendekatan ini, Pengurusan Kanan KPK dan HEP KPK dapat memastikan bahawa setiap tindakan penambahbaikan yang diambil adalah berdasarkan analisis yang tepat dan menyeluruh. Ini bukan sahaja membantu dalam meningkatkan kualiti program dan aktiviti yang dianjurkan, tetapi juga memastikan pembangunan holistik pelajar dapat dicapai dengan lebih berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_K01_KB04_KC03_20241_Lampiran 1.9\(a\) - Exit Survey.pdf](#)
2. [B0081_K01_KB04_KC03_20242_Lampiran 1.9\(b\) - Analisa Exit Survey.pdf](#)
- 3.
- 4.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan KPK membudayakan objektif dan inisiatif strategik organisasi yang dirancang menerusi:

i) Penerapan Nilai-Nilai ESI-iDART dalam Diri Pelajar KPK

HEP KPK sentiasa berusaha untuk membudayakan nilai-nilai murni di kalangan pelajar KPK. Penerapan nilai **Kecemerlangan, Integriti, dan Sinergi (ESI)** merupakan inti pati utama dalam perancangan aktiviti-aktiviti pelajar. Nilai-nilai ini memastikan setiap aktiviti yang dijalankan bukan sahaja berkualiti tinggi tetapi juga dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan kerjasama antara semua pihak yang terlibat contohnya melibatkan penceramah motivasi daripada agensi kerajaan dan industri (**Lampiran 1.10**).

Selain itu, penerapan lima nilai iaitu **Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, dan Tanggungjawab (iDART)** adalah asas dalam membentuk sikap, tindakan, dan keperibadian pelajar KPK. Nilai-nilai ini selaras dengan **misi dan visi** UiTM, di mana setiap pelajar diharap dapat mengamalkan nilai-nilai ini dalam kehidupan harian mereka. Ini bukan sahaja membantu dalam perkembangan diri pelajar tetapi juga memastikan mereka menjadi individu yang berintegriti dan bertanggungjawab.

ii) Program Profesional Pelajar

HEP KPK menyediakan **peluang pembelajaran dan latihan profesional** kepada pelajar KPK untuk meningkatkan nilai tambah mereka. Dua program profesional utama yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 adalah Kursus Kad Hijau (Green Card) (**Lampiran 1.11(a)**) melibatkan **CIDB Malaysia** dan IEM Registration Day 2023 dengan kerjasama **IEM Malaysia (Lampiran 1.11(b))**. Kursus Kad Hijau memberi pendedahan kepada pelajar tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, manakala IEM Registration Day membantu pelajar dalam pendaftaran dengan badan profesional yang berkaitan. Program-program ini memastikan pelajar KPK mempunyai **kelebihan tambahan** apabila memasuki alam pekerjaan.

iii) Peningkatan Penyertaan Pelajar Di Peringkat Antarabangsa

HEP KPK juga memberi penekanan kepada peningkatan penyertaan pelajar di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2023, sebanyak 21 **program antarabangsa** melibatkan pelajar KPK telah dijalankan. Antara program yang berimpak tinggi adalah *Global Engineers Leadership Exchange 2023* dan *International Emerging Leaders 2023* yang berlangsung di Malang dan Surabaya, Indonesia. Program-program ini melibatkan aktiviti akademik dan ilmiah, khidmat masyarakat, serta kreativiti dan inovasi. Melalui penyertaan dalam program-program ini, pelajar KPK berpeluang meningkatkan kemahiran dan pengalaman mereka di peringkat global (**Lampiran 1.12**).

iv) Penganjuran Aktiviti Tahunan Program Pengurusan dan Pemantapan Pelajar

HEP KPK juga menganjurkan pelbagai aktiviti tahunan yang bertujuan untuk meningkatkan **kepimpinan dan pengurusan** dalam kalangan pelajar. Pada tahun 2023, sebanyak Sembilan (9) program kepimpinan pelajar telah dilaksanakan. Antaranya termasuk Kursus Pemantapan Kepimpinan (KuPeKe), Ekspo Kelab dan Persatuan, Kursus Pemantapan Pengurusan Organisasi, dan Persidangan Persatuan. Program-program ini bukan sahaja membantu dalam pengembangan kemahiran kepimpinan pelajar tetapi juga memastikan mereka mendapat pendedahan yang mencukupi dalam aspek pengurusan dan organisasi

Di samping itu, pendekatan kolaborasi bersama pihak dalam dan luar universiti juga menjadi keutamaan dalam Pengurusan dan Pembangunan pelajar KPK. Pelaksanaan aktiviti yang dirancang dan yang dilaksanakan telah mendapat bantuan dan sokongan terus dari jabatan-jabatan di UiTM; Unit Polis Bantuan, Pejabat Undang-undang, Institut Kepimpinan Pelajar dan Pejabat Pembangunan Pelajar. Ini bagi memastikan dalam usaha mencapai objektif strategik HEP KPK, peraturan, undang-undang dan arahan semasa tidak dikesampingkan.

Syarikat-syarikat multinasional, badan-badan professional kejuruteraan, *Board of Engineers* (BEM) dan *Institute of Engineers* (IEM), pemain industri, agensi dan syarikat kaitan kerajaan juga dilibatkan secara langsung bagi memastikan aktiviti anjuran HEP KPK sentiasa relevan dengan kehendak industri.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_K01_KB05_20241_Lampiran 1.10 - CV Penceramah Jemputan Luar Program Motivasi HEP KPK.pdf](#)
2. [B0081_K01_KB05_20242_Lampiran 1.11\(a\) Progran Profesional 2023 - KERTAS KERJA KURSUS KAD HIJAU \(GREEN CARD\) KPK.pdf](#)
3. [B0081_K01_KB05_20243_Lampiran 1.11\(b\) - Program Profesional Tahun 2023 - Kertas Kerja IEM REGISTRATION DAY 2023.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

KPK telah merangka **perancangan** strategik berdasarkan panduan seperti yang disediakan di dalam dokumen *Strategic Planning College of Engineering 2023* sebagai output kepada Bengkel Perancangan Strategik Kolej yang telah dilaksanakan pada 14 hingga 16 Disember 2022 di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan. Hasil bengkel tersebut telah didokumenkan dalam bentuk digital dan boleh diakses oleh Pengurusan Tertinggi KPK di laman sesawang <https://sites.google.com/uitm.edu.my/perancanganstrategikkpk2023/homepage>.

Dokumen *Strategic Planning College of Engineering 2023* ini dibangunkan dengan mengambil kira Misi dan Visi UiTM dan Objektif Kualiti KPK, Dokumen UiTM 2025 Strategic Plan, *Globally Renowned University (GRU2025)* dan Amanat Naib Canselor. Keperluan badan akreditasi kejuruteraan iaitu Engineering Accreditation Council (EAC) juga menjadi perkara perbincangan *Strategic Planning College of Engineering 2023*. Selain daripada itu, pelaksanaan bengkel dan pembangunan dokumen ini telah melalui aktiviti berikut:

- Pendekatan Analisa SWOT (Strength, Weakness, Opportunity and Threat);
- Penerapan melalui pemetaan *performance indicators* (PI) KPK kepada bidang tugas bahagian-bahagian (HEA, P&I, HEP, ICAN dan Pentadbiran);
- Pendekatan dan penerapan seterusnya adalah melalui perbincangan dalaman setiap bahagian;
- Pendekatan pembangunan pelan strategik KPK melalui projek-projek dan pelaksanaan aktiviti aktiviti oleh warga KPK;
- Pengajaran hasil pemantauan, pelaporan berkala dan melalui langkah intervensi pada pertengahan tahun; dan
- Integrasi maklum balas warga dan penambahbaikan inisiatif dan pencapaian KPK.

Penglibatan pembangunan dokumen strategik secara keseluruhannya melibatkan Pengurusan Tertinggi dan Kanan KPK iaitu PNC, Dekan-dekan, Ketua-ketua Unit, Koordinator-koordinator, Profesor- profesor, Pensyarah-pensyarah Kanan terpilih dan diurusetia oleh Unit Kualiti dan Strategik (UKS) KPK. Namun, penglibatan khusus bagi bidang tumpuan Pejabat Hal Ehwal Pelajar KPK diketuai Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP) iaitu Profesor Ts. Dr. Azlina binti Idris.

Antara langkah-langkah utama yang dilakukan di dalam perancangan strategik bagi Pengurusan dan Pembangunan Pelajar di KPK termasuklah menghayati semua sasaran yang diperturunkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) kepada KPK.

Khusus bagi tahun 2023, bidang tumpuan KPK adalah berkisar kepada pencapaian dalam aspek Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Berikut merupakan rumusan Pelan Tindakan Strategi (SAP) di mana terdapat tiga (3) projek yang diusahakan oleh setiap unit di Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) KPK. Projek di bawah Unit Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar ialah *International Community Engineer (i-COME)* dan *Engineer Career Development (ECD)*, manakala projek di bawah Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar ialah *Competition, Innovation, Internalisation and Leadership (CIIL)*.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perutusan Tahun Baharu 2023 Menteri Pendidikan Tinggi telah mensasarkan kewujudan 11 azam dan tekad untuk melestarikan masa depan negara. Ianya telah disejajarkan dengan teras strategik UiTM iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Pencapaian Berorientasikan Nilai yang diterjemahkan menerusi Kebolehpasaran Global (**Lampiran 2.1**).

Konsep Kebolehpasaran Global yang digubal berkait rapat dengan kemampuan warga UiTM iaitu staf dan pelajar untuk menarik perhatian warga global menerusi kompetensi dan kepakaran yang ditawarkan menerusi inisiatif dan program antarabangsa (**Lampiran 2.2**). Lanjutan daripada itu, Unit HEP KPK telah memperkenalkan dua (2) inisiatif bagi mencapai sasaran Kebolehpasaran Global (**Lampiran 2.3**) yang diterangkan seperti berikut:

1. International Community Engineer (i-COME) (Lampiran 2.4)

Projek ini berlangsung bermula 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 dengan objektif seperti di bawah:

- Memastikan jumlah aktiviti pelajar yang berkait dengan i-SULAM adalah menepati dengan PI yang ditetapkan dan dipetakan kepada Sustainable Development Goals (SDG) 4, SDG 11 (*Quality Education, Sustainable and Communities*) dan UI GreenMetric ED, EC, TR, SI (Education, Energy & Climate Change, Transportation, Setting & Infrastructure);
- Memastikan jumlah aktiviti i-kemasyarakatan dan i-kesukarelawan dipetakan kepada SDG 1, SDG 2, SDG10 (*No Hunger, No poverty dan Reduced Inequality*); dan
- Memastikan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti berteraskan nilai patriotisme dan ESI-IDART dan dipetakan kepada SDG 10, SDG 16 (*Reduced Inequality, Peace, Justice and Strong Institutions*).

2. Projek Engineer Career Development (ECD) (Lampiran 24.)

Projek ini berlangsung bermula 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 dengan objektif memastikan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti pembangunan kerjaya pelajar KPK (SDG 10 (Reduced Inequality), SDG 17 (Partnerships to achieve the Goal)).

Inisiatif strategik yang digariskan bagi memastikan pelaksanaan ECD adalah dengan membahagikan program ECD mengikut tema-tema seperti di bawah:

- Finishing School - 5 industri.
- Peningkatan Kompetensi bagi Kebolehpasaran - 5 industri.
- Industri bersama pelajar - 5 industri.

3. Competition, Innovation, Internalization and Leadership (CIIL) (Lampiran 2.4)

Projek ini berlangsung bermula 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 dengan objektif seperti di bawah:

- Menggalakkan penglibatan pelajar dalam program kepimpinan bagi melahirkan pelajar yang holistik berdasarkan nilai ESI i-DART yang boleh membawa kepada ketampakan universiti di mata dunia (SDG 4, 16 (4 - *Quality Education*, 16 - *Peace, Justice & Strong Institutions*));
- Melatih dan melahirkan pelajar yang seimbang serta mempunyai kemahiran komunikasi yang dapat memenuhi keperluan pasaran semasa (SDG 5 (*Gender Equality*));
- Mewujudkan jalinan kerjasama dalam program pelajar di peringkat antarabangsa bersama industri, universiti dan komuniti. (SDG 17 - *Partnership for the Goals*));
- Menggalakkan penganjuran dan penglibatan pelajar dalam e-Sport di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai alternatif kepada sukan secara fizikal. (SDG 5, 17 (5 - *Gender Equality*, 17 - *Partnership for the Goals*)); dan
- Menggalakkan penganjuran dan penglibatan pelajar dalam program rekacipta dan inovasi seiring dengan keperluan IR 4.0. (SDG 8, 9 (8 - *Decent Work & Economic Growth*, 9 - *Industry Innovation & Infrastructure*)).

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_P01_PB02_20241_Lampiran 2.1 - Teks Ucapan Perutusan Tahun Baharu 2023 Menteri Pendidikan Tinggi.pdf](#)
2. [B0081_P01_PB02_20242_Lampiran 2.2 - SLIDE GLOBALLY MARKETABLE \(Page 8\).pdf](#)
3. [B0081_P01_PB02_20243_Lampiran 2.3 - Slaid Perancangan Strategik HEP KPK 2023.pdf](#)
4. [B0081_P01_PB02_20244_Lampiran 2.4 - Template Perancangan Strategik HEP KPK 2023.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan pelan strategik dilakukan menerusi **Sistem UiSMS (Lampiran 2.5)** untuk mendaftar maklumat Projek yang dilaksanakan di bawah Pelan Strategik UiTM2025. Penggunaan sistem ini bermula dari pengagihan sasaran, penyediaan inisiatif strategik, perancangan kewangan, mengemaskini daftar risiko projek berkaitan dan pemantauan status kemajuan projek. Sistem ini menjadi *one-stop-centre* untuk rujukan berkenaan maklumat *Strategic Thrust, Strategic Theme, Strategy, Key Initiative, VC Priority Project and Project Risk*. Paparan Dashboard dalam sistem ini dapat membantu Pemilik dan Pelaksana dalam menyelaraskan perancangan yang dibuat.

Sistem ini juga menyediakan platform bagi **pelantikan pegawai bertanggungjawab (Lampiran 2.6)** bagi memastikan setiap yang dilantik maklum tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan. Antara pelantikan yang dibuat adalah:

i. Pengarah Peneraju

Penolong Naib Canselor dilantik sebagai Pengarah Peneraju yang bertanggungjawab untuk merancang Pelan Tindakan Strategik yang dipetakan kepada Inisiatif Utama dan memantau keseluruhan perjalanan projek yang dilaporkan melalui Modul SAP *Online*.

ii. Pengarah Program

Dekan Hal Ehwal Pelajar dilantik sebagai Pengarah Program yang bertanggungjawab merancang dan memantau pelaksanaan projek projek berimpak yang membantu mencapai PI dan melaporkan kemajuan projek kepada Pengarah Peneraju.

iii. Pengurus Projek

Pengurus Projek terdiri dari Ketua, Koordinator dan Penyelaras yang melaksanakan aktiviti projek yang dipertanggungjawabkan dan melaporkan status kemajuan projek kepada Pengarah Program.

iv. Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU)

PSTU yang dilantik adalah Ketua Unit Kualiti dan Strategik yang menyelaraskan perancangan Pelan Tindakan Strategik, melaporkan kemajuan projek di dalam mesyuarat pengurusan KPK dan membuat pelaporan kemajuan projek melalui sistem yang telah dikhususkan.

KPK juga memastikan penyebaran Pelan Strategik menumpukan kepada pelanggan KPK diperingkat eksekutif dan operasi.

Diperingkat eksekutif, program seperti **Amanat Tahun Baharu PNC** telah berlangsung pada 17 Mac 2023 secara fizikal dan atas talian menekankan konsep Malaysia MADANI yang dikaitkan dengan Amanat Menteri Pendidikan Tinggi, dan Pelan Strategik UiTM 2025. Dalam program ini perancangan strategik telah diasingkan mengikut unit. Setiap unit dinyatakan sasaran dan inisiatif yang dirancang bagi mencapai pelan strategik beserta peruntukan yang telah dirancang. Warga KPK juga diberi ruang untuk berinteraksi agar pandangan mereka diambil kira dan meningkatkan kefahaman. Penyusunan **takwim mesyuarat (Lampiran 2.7)** juga dilakukan diperingkat Eksekutif KPK bagi memudahkan penyebaran pencapaian dan pemantauan dilakukan.

Diperingkat operasi di bawah Pejabat HEP KPK, beberapa **siri mesyuarat bersama Kelab/ Persatuan dan Perjumpaan bersama Wakil Pelajar (Lampiran 2.8)** juga diadakan bagi memastikan semua pelajar maklum perancangan strategik yang telah dirancang dan peranan yang perlu dimainkan. Semua mesyuarat ini telah dirancang pada awal tahun, disahkan dalam mesyuarat dan disebar luas untuk makluman pelajar dan warga KPK.

Penggunaan media sosial (Lampiran 2.9) juga sangat penting dalam menyebarkan perancangan strategik antaranya email rasmi HEP, Facebook, Twitter dan Instagram. Youtube

HEP merupakan platform simpanan rakaman program-program utama HEP yang menjadi rujukan di masa hadapan. HEP juga telah mewujudkan google site HEP iaitu <https://sites.google.com/uitm.edu.my/hep-kolejpendidikankejuruteraan/anjung> sebagai *one-stop-centre* untuk rujukan pelajar seperti senarai dan fungsi staf HEP, proses dan prosedur, panduan mendapatkan bantuan Kebajikan dan perancangan strategik HEP.

Penyebarluasan yang berkesan dapat memberi kefahaman dan kesedaran peranan setiap warga KPK dalam memastikan perancangan strategik dapat dilaksanakan dengan berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_P01_PB03_20241_Lampiran 2.5 - SISTEM UiSMS.pdf](#)
2. [B0081_P01_PB03_20242_Lampiran 2.6 - Senarai Pelantikan Pegawai Tanggungjawab Sistem UiSMS.pdf](#)
3. [B0081_P01_PB03_20243_Lampiran 2.7 - Takwim Mesyuarat Am Peringkat Kolej Pengajian Kejuruteraan Tahun 2023.pdf](#)
4. [B0081_P01_PB03_20244_Lampiran 2.8 - MINIT KPK MENDOMENIA 19062023.pdf](#)
5. [B0081_P01_PB03_20245_Lampiran 2.9 - Penggunaan Media Sosial \(Facebook\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelaksanaan dan pencapaian PI bagi perancangan strategik KPK dipantau secara konsisten dan berkesan melalui pelbagai mekanisme samada di peringkat universiti, mahupun KPK. Bagi peringkat Universiti, pencapaian *Strategic Action Plan* (SAP) dipantau secara bulanan melalui sistem UePMO dan Dashboard Sasaran PI (**Lampiran 2.10**) yang disediakan oleh pihak BTU. Pengurus projek akan mengemaskini pencapaian PI melalui platform yang disediakan oleh peneraju dan melalui sistem UiSMS bagi tujuan pemantauan oleh pihak BTU (**Lampiran 2.11**). Pencapaian PI bidang tumpuan iaitu berteraskan pengurusan dan pembangunan pelajar dikemaskini oleh pegawai yang bertanggungjawab melalui sistem Smart HEP (**Lampiran 2.12**).

Proses pemantauan di peringkat KPK dilaksanakan bermula dengan pembentukan ahli kumpulan di bawah inisiatif strategik yang terdiri daripada Pengarah Projek, Pengurus Projek dan ahli-ahli pasukan. Kumpulan ini dibentuk bagi memastikan projek untuk setiap inisiatif strategik yang dirancang dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan. Pengurus projek yang dilantik bertanggungjawab dalam memastikan data bagi aktiviti yang dilaksanakan dimasukkan ke sistem UiSMS secara berkala. PSTU akan memberi peringatan kepada Pengurus Projek melalui aplikasi "Whatsapp" dalam memastikan pelaporan sentiasa dikemaskini mengikut garis masa yang ditentukan oleh pihak BTU (**Lampiran 2.13**).

Pemantauan inisiatif strategik juga dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEKP) (sebulan sekali) (**Lampiran 2.14**) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) KPK (2 kali setahun). Pelaporan status pencapaian PI mengikut unit akan dibentangkan di kedua-dua mesyuarat di atas. Pelan tindakan bagi PI yang tidak mencapai sasaran akan dibincangkan dan hasil pemantauan yang dilaksanakan dikaji semula keberkesanan melalui mesyuarat tersebut.

Pemantauan inisiatif strategik bagi bidang tumpuan di peringkat Unit HEP dilaksanakan melalui beberapa peringkat iaitu seperti berikut:

- Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEKP);
- Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif HEP KPK; dan
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP).

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_P01_PB04_PC01_20241_Lampiran 2.10 - Dashboard Sasaran PI.pdf](#)
2. [B0081_P01_PB04_PC01_20242_Lampiran 2.11 - SISTEM UiSMS \(Senarai Projek\).pdf](#)
3. [B0081_P01_PB04_PC01_20243_Lampiran 2.12_SISTEM SmartHEP.pdf](#)
4. [B0081_P01_PB04_PC01_20244_Lampiran 2.13_PERINGATAN PSTU KEPADA PENGURUS PROJEK MELALUI APLIKASI WHATSAPP.pdf](#)
5. [B0081_P01_PB04_PC01_20245_Lampiran 2.14 - Sampel Minit Mesyuarat JEKP bil 32_2023_14 November 2023.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sebagai langkah untuk memastikan KPK dapat mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan, Pengurusan Kanan KPK telah mengenalpasti beberapa risiko yang berpotensi menjejaskan pencapaian sasaran tahunan. Terdapat enam (6) risiko yang telah didaftarkan di bawah Unit HEP iaitu dua (2) Risiko Operasi, tiga (3) Risiko Strategik dan satu (1) Risiko Kewangan. Perincian berkenaan daftar risiko adalah seperti di **Lampiran 2.15**.

Kesemua risiko yang didaftarkan dipantau oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko di bawah Unit Kualiti dan Strategi dan penambahbaikan bagi kesemua risiko ini dilaksanakan oleh Unit HEP KPK. Risiko-risiko ini didaftarkan di SAP melalui Sistem *University Electronic Programme Management Office* (UePMO) (**Lampiran 2.16**) untuk memudahkan pemantauan pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Daftar risiko mengikut unit dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko KPK yang bersidang tiga (3) kali setahun bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif KPK secara khususnya dan UiTM secara amnya. Melalui analisa risiko yang dilaksanakan di peringkat unit, pelan mitigasi dan kawalan tambahan dicadangkan bagi mengurangkan tahap risiko serta membantu dalam perancangan strategi KPK akan datang.

International Community Engineer (i-COME) adalah di antara SAP di bawah pembangunan pelajar yang mempunyai risiko dari aspek penyertaan pelajar di dalam aktiviti yang dianjurkan di KPK di mana ianya kurang mendapat sambutan. Walau bagaimanapun, melalui perancangan dan pemantauan risiko yang berkesan, Unit HEP berjaya meningkatkan bilangan penyertaan pelajar dengan melaksanakan promosi melalui media sosial (**Lampiran 2.17**) dan menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi (**Lampiran 2.18**) yang melibatkan pelajar KPK bagi semua pengajian. Selain itu, Unit HEP juga membuat kawalan tambahan terhadap risiko dengan memantapkan pengurusan aktiviti pelajar dan meningkatkan kerjasama bersama Penasihat Akademik (PA) dan Pensyarah dalam hebahan pemakluman program.

Pelaksanaan SAP Unit HEP juga dipantau melalui Mesyuarat JEKP yang diadakan secara berkala iaitu sekali dalam tempoh dua (2) bulan. Hasil daripada pemantauan ini, Unit HEP berjaya mencapai 100% untuk semua PI dibawah tanggungjawabnya (**Lampiran 2.19**).

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_P01_PB04_PC02_20241_Lampiran 2.15 – Daftar Risiko HEP \(Disember 2023\).pdf](#)
2. [B0081_P01_PB04_PC02_20242_Lampiran 2.16 - Sistem UePMO.pdf](#)
3. [B0081_P01_PB04_PC02_20243_Lampiran 2.17 - Hebahan Aktiviti Pelajar Melalui Aplikasi Facebook HEP.pdf](#)
4. [B0081_P01_PB04_PC02_20244_Lampiran 2.18 - Poster Kursus Pemantapan Organisasi Pelajar 2023.pdf](#)
5. [B0081_P01_PB04_PC02_20245_Lampiran 2.19 – Pencapaian PI KPK – Disember 2023.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan perancangan strategik yang telah dilaksanakan akan dikongsi kepada warga KPK supaya semua warga dapat melihat kejayaan bagi sasaran yang telah berjaya dicapai dan membuat penambahbaikan untuk sasaran yang masih belum tercapai. Perincian bagi setiap strategi yang telah dilaksanakan dan pencapaian bagi petunjuk prestasi tahun sebelum dikongsi oleh PNC melalui Amanat PNC Tahun 2023 (**Lampiran 2.20**). Menerusi *platform* ini warga KPK dapat memberi maklumbalas dan cadangan untuk menambah baik strategi pencapaian bidang tumpuan.

Selain itu, pencapaian semasa KPK juga dikongsi dari masa ke semasa dan rumusan pencapaian akan dimaklumkan kepada semua staf melalui medium seperti email (**Lampiran 2.21**) dan aplikasi 'Telegram' dan 'WhatsApp'. *Platform* hebahan ini juga digunakan sebagai peringatan kepada warga KPK agar sentiasa mengisi pelaporan di elektronik Pelaporan Online Hebahan (e-POH) (**Lampiran 2.22** dan **Lampiran 2.23**) dan mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk tujuan rekod supaya data sediaada ada dapat dikemaskini.

Perancangan bagi mengatasi risiko kegagalan dalam mencapai sasaran yang ditetapkan juga segera dirangka bagi memastikan sasaran dapat dicapai. Analisa berkaitan faktor kegagalan mencapai sasaran objektif kualiti dalam bidang tumpuan turut dibincangkan semasa Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (**Lampiran 2.24**).

Kesemua penambahbaikan-penambahbaikan yang dicadangkan ini akan dilaksanakan pada Tahun 2024. Perancangan penambahbaikan strategi inovasi ini adalah secara berterusan serta melibatkan kesemua pihak yang bertanggungjawab.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_P01_PB04_PC03_20241_Lampiran 2.20 - POSTER AMANAT PENOLONG NAIB CANSELOR TAHUN 2023.pdf](#)
2. [B0081_P01_PB04_PC03_20242_Lampiran 2.21 – Emel Pemakluman Pencapaian PI KPK Q3.pdf](#)
3. [B0081_P01_PB04_PC03_20243_Lampiran 2.22 - Sistem Pelaporan Online Hebahan \(e-POH\).pdf](#)
4. [B0081_P01_PB04_PC03_20244_Lampiran 2.23 - Emel Arahan Penggunaan Sistem e-POH.pdf](#)
5. [B0081_P01_PB04_PC03_20245_Lampiran 2.24 – Minit Mesyuarat MKSP Bil.1 Tahun 2023.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi dan pembudayaan yang terhasil daripada pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan strategik akan dibincangkan dalam aspek berikut:

1. Integrasi Sistem UePMO kepada Pengurusan Kanan dan Ketua Projek Strategik
2. Perkongsian strategi bersama Warga KPK, PTJ dan Kampus Cawangan melalui teknologi digital

Integrasi Sistem UePMO kepada Pengurusan Kanan KPK dan Ketua Projek Strategik

Penggunaan Sistem UePMO (**Lampiran 2.25**) telah diperkenalkan oleh BTU bagi menyatukan pelbagai PTJ di UiTM untuk memudahkan kaedah pemantauan projek dalam memberikan maklumat dan data yang diperlukan terutama kepada pihak pengurusan dan pemantau projek bagi memastikan proses pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan.

Penggunaan sistem ini turut digunakan sebagai mekanisme pemantauan output projek-projek strategik KPK. Selain itu, UePMO telah menjadi asas kepada pengurusan projek di mana proses pelantikan ahli projek baharu dan pemantauan tahap kemajuan projek dapat dilaksanakan secara sistematik. Tambahan pula, dengan integrasi sistem ini bagi tujuan pengurusan risiko menjadikan perancangan dan pelaksanaan projek-projek strategik KPK berjalan lancar dan efektif. Pembudayaan kepada penggunaan sistem ini telah berjaya menjadi input dalam membuat dasar dan belanjawan KPK.

Perkongsian Strategi Bersama Warga KPK, PTJ dan Kampus Cawangan Melalui Teknologi Digital

Dalam aspek pengurusan dan pembangunan pelajar, integrasi dapat dilihat melalui perkongsian perancangan strategik melalui penggunaan teknologi digital seperti google site HEP (**Lampiran 2.26**) yang boleh dicapai melalui <https://sites.google.com/uitm.edu.my/hep-kolejpengajiankejuruteraan/anjung>. Selain menjadi *one-stop-centre* kepada pelajar KPK dalam mendapatkan maklumat tentang pengurusan dan pembangunan pelajar, perancangan strategik HEP juga dikongsi supaya ianya menjadi pembudayaan semua warga KPK serta menjadi rujukan kepada PTJ lain dan kampus cawangan (**Lampiran 2.27**).

Melalui Amanat Tahun Baharu PNC KPK Tahun 2023, *Strategic Planning College of Engineering 2023* dikongsi kepada warga KPK yang hadir secara fizikal dan disiarkan secara langsung melalui *platform* saluran Youtube KPK di <https://www.youtube.com/watch?v=x1qxzTCQIbQ> (**Lampiran 2.28**) supaya warga KPK yang tidak dapat hadir tidak terlepas peluang mendengar perkongsian PNC berkenaan pencapaian tahun 2022 dan hala tuju pelan strategik KPK tahun 2023. *Platform* teknologi digital ini juga memberi peluang kepada staf UiTM daripada PTJ lain serta kampus cawangan untuk turut sama mendapat manfaat daripada perkongsian PNC.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_P01_PB05_20241_Lampiran 2.25 - Sistem UePMO.pdf](#)
2. [B0081_P01_PB05_20242_Lampiran 2.26 – Tangkap Layar Googlesite Unit HEP KPK.pdf](#)
3. [B0081_P01_PB05_20243_Lampiran 2.27 – Maklumat PI HEP \(Skrin Googlesite\).pdf](#)
4. [B0081_P01_PB05_20244_Lampiran 2.28 - Tangkap Layar Majlis Amanat PNC 2023 Melalui Saluran Youtube.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hal Ehwal Pelajar, Kolej Pengajian Kejuruteraan (HEP KPK) mengutamakan pengurusan sistem pelanggan dan operasi untuk menjamin kualiti dan perkhidmatan efektif yang diberikan kepada pelajar sebagai pelanggan utama. HEP KPK telah merancang dan melaksanakan pelbagai program yang berfokus pada **kepimpinan, kesejahteraan** dan juga **prestasi akademik** pelajar.

Dalam aspek kepimpinan, HEP KPK telah melaksanakan pelbagai program melibatkan penyertaan pelajar KPK iaitu **program pembangunan dan kepimpinan, program mobiliti pelajar, program bersama komuniti, persidangan** dan juga **pertandingan**. Penyertaan pelajar KPK dalam program ini adalah sangat penting untuk membantu dalam aspek kemahiran insaniah pelajar seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, etika dan moral profesional.

Seterusnya, program melibatkan **kesejahteraan** merangkumi bantuan kewangan, seperti **kupon makanan, gerobok rezeki, bantuan beras, tabung kecemasan, dan zakat**, untuk memenuhi keperluan asas pelajar KPK. Selain itu, HEP KPK juga menyediakan bantuan akademik iaitu **pinjaman komputer riba, tutor rakan sebaya, dan penghargaan kecemerlangan** untuk meningkatkan motivasi dan kualiti akademik pelajar.

HEP KPK juga telah menerapkan sistem **pemantauan** yang komprehensif untuk memastikan keberhasilan dan keberkesanan program yang dilaksanakan. Pemantauan juga bertujuan untuk mengukur sejauh mana program mencapai tujuan yang ditetapkan dan mengenalpasti kekurangan dan kelemahan dalam pelaksanaan program. Kaedah pemantauan yang digunakan adalah melalui (1) **Maklum balas pelanggan**, (2) **Borang Penilaian Aktiviti Pelajar** dan (3) **Laporan akhir aktiviti/program**.

HEP KPK terus komited dalam **menambahbaik** dan meningkatkan **kualiti** operasi dan pelaksanaan. Melalui berbagai *platform* dan mekanisme, seperti e-Cakna digunakan bagi memudahkan pelajar memberi maklum balas kepada program yang dilaksanakan dan membantu HEP KPK memberi respon lebih pantas dan efektif. Selain itu **Mesyuarat Jawatankuasa Keraian dan Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP)** dilaksanakan untuk menilai dan meluluskan segala permohonan aktiviti melalui kertas kerja yang dihantar oleh persatuan pelajar. **Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar (KPOP) dan Kursus Pemantapan Kepimpinan (KuPeKe)** juga dijalankan setiap tahun bagi menentukan halatuju kelab atau persatuan dan menambah baik pengurusan persatuan. **Persidangan Persatuan** juga dilaksanakan untuk persatuan pelajar memberi maklumbalas kepada pengurusan KPK dan sebarang usul untuk penambahbaikan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Melalui **Struktur organisasi** yang strategik, ideal dan mampan, segala program yang dirancang oleh **HEP KPK** dapat dilaksanakan dengan jayanya, meliputi aspek **Kepimpinan** dan **kebajikan** kepada **pelanggan utama** iaitu **pelajar KPK**. Dipimpin oleh Dekan HEP dan didukung oleh tiga unit utama iaitu (1) Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, (2) Unit Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar, serta (3) Unit Pentadbiran, segala perancangan dapat dilaksanakan secara holistik dan berkesan.

Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar telah memberi komitmen sepenuhnya kepada pelaksanaan pelbagai program melibatkan penyertaan pelajar KPK iaitu **program mobiliti pelajar (Lampiran 3.1)**, **program bersama komuniti (Lampiran 3.2)**, **persidangan (Lampiran 3.3)** dan juga **pertandingan (Lampiran 3.4)**. Penyertaan pelajar KPK dalam program ini membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, etika dan moral profesional.

Program **kebajikan** yang dirancang di bawah **Unit Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar** bertujuan untuk memastikan kesejahteraan mereka terjaga sepanjang tempoh pengajian di KPK. Terdapat beberapa aktiviti kebajikan telah dijalankan bagi menjaga kebajikan pelajar.

Kupon Infak Makanan (Lampiran 3.5) diperkenalkan bagi menyediakan kupon makanan sepanjang pengajian pelajar selama 14 minggu dan 2 minggu peperiksaan. Bantuan makanan ini dapat membantu pelajar yang menghadapi kekangan kewangan untuk mendapatkan hidangan makanan di kafeteria. **Gerobok Rezeki (Lampiran 3.6)** menyediakan akses kepada makanan seperti sarapan pagi dan makanan tengahari secara percuma di lokasi-lokasi yang disediakan. Program ini bertujuan membantu pelajar yang kurang berkemampuan dan menggalakkan semangat tolong-menolong di kalangan pelajar. Program **Bantuan Beras (Lampiran 3.7)** menyediakan bantuan makanan asas (beras) kepada pelajar yang menginap di luar kampus yang bagi mengurangkan beban kos bahan mentah dan meningkatkan keperluan makanan berkhasiat di kalangan pelajar. Pemantauan dilakukan melalui sistem rekod penggunaan kupon dan penyemakan penerima yang layak.

Tabung Kecemasan (Lampiran 3.8) ditubuhkan bagi menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar untuk mengatasi masalah kewangan yang tidak dijangka dan memberi ketenangan dalam menghadapi kecemasan. Dana tabung kecemasan adalah sumbangan dari individu, alumni dan pihak industri. **Bantuan Zakat (Lampiran 3.9)** pula menyediakan bantuan kewangan berasaskan zakat kepada pelajar yang layak. Ini mengurangkan beban kewangan pelajar dari keluarga kurang berkemampuan dan memastikan mereka dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran tanpa bimbang tentang masalah kewangan. Pemantauan dilakukan melalui pengesahan kelayakan zakat dan penyemakan rekod penerima.

Pendekatan seterusnya adalah bertumpukan kepada bantuan **akademik** pelajar bertujuan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar. Dengan memberikan bantuan seperti keperluan asas belajar, dan juga bimbingan motivasi pelajar, pendekatan ini dapat membantu pelbagai masalah yang dihadapi pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Antara pendekatan yang dilaksanakan ialah antaranya **bantuan pinjaman komputer riba (laptop) (Lampiran 3.10)**. Keperluan ini sangat penting dalam membantu pelajar untuk mendapat maklumat secara dalam talian dan juga menghadiri kelas dan perbincangan secara dalam talian. **Tutor rakan sebaya (Peer Tutoring) (Lampiran 3.11)** juga merupakan inisiatif yang penting bertujuan untuk memantapkan pemahaman para pelajar dalam sesuatu subjek dari rakan sebaya dan meningkatkan prestasi akademik dalam kalangan pelajar. Seterusnya, **Malam Apresiasi Kecemerlangan HEP (MAKeceH) (Lampiran 3.12)** merupakan acara tahunan yang dilaksanakan oleh HEP KPK. Majlis ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada para pelajar yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang kokurikulum dan persatuan pelajar.

SENAKAI BUKTI:

1. [B0081_T01_TB02_20241_Lampiran 3.1 - Lampiran 3.4.pdf](#)
2. [B0081_T01_TB02_20242_Lampiran 3.5 - Lampiran 3.9.pdf](#)
3. [B0081_T01_TB02_20243_Lampiran 3.10 - Lampiran 3.12.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Google site HEP KPK (Lampiran 3.13) merupakan inisiatif pihak HEP KPK untuk menyediakan *platform* yang boleh dicapai secara digital di dalam atau luar kampus oleh semua. Inisiatif ini diambil untuk menghubungkan dan memudahkan pelajar berurusan perkara berkaitan urusan kebajikan dan kesejahteraan pelajar antaranya e-Cakna, khidmat kaunseling, Kolej Kediaman, dan ZAWAF. *Platform* ini menyediakan maklumat berkaitan persatuan pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan aktiviti pelajar terkini. Melalui *Google Site* ini, penghantaran kertas kerja dan pelaporan aktiviti pelajar dapat dilaksanakan dengan kadar yang singkat dan mampan.

Manakala *platform e-Cakna (Lampiran 3.14)* diwujudkan bertujuan untuk membantu para pelajar mencakupi segala urusan berkaitan kebajikan dan kesejahteraan pelajar sepanjang pengajian mereka di UiTM. Pihak Pengurusan HEP KPK sentiasa cakna dengan segala permasalahan dan sentiasa berusaha agar bantuan dapat diuruskan dan dihulurkan dengan kadar yang segera kepada pelanggannya. e-Cakna merangkumi setiap aspek bantuan dan perkhidmatan yang diperlukan pelajar antaranya permasalahan berkaitan kaunseling, kewangan, kemalangan jalan raya, kematian waris/pelajar, fasiliti terutamanya bilik persatuan pelajar, pinjaman komputer, bencana alam/kebakaran, urusan masuk wad dan tujuan publisiti untuk aktiviti pelajar. Dengan kapasiti pelajar KPK yang besar, semua bantuan dapat diselaraskan melalui *platform* atas talian yang dapat dicapai di mana-mana oleh semua pelajar, staf dan pemegang taruh.

HEP KPK amat menggalakan **penglibatan pihak luar seperti industri dan alumni dalam penganjuran pelbagai program pelajar**. Sumbangan Alumni yang berjaya dalam pemindahan pengetahuan, kemahiran, dan bimbingan dapat membantu pelajar mempersiapkan diri untuk cabaran profesional. HEP KPK komited memupuk inisiatif pelajar turut sama menyumbang kepakaran kepada komuniti setempat yang mana manifestasi ini penting menjalankan peranan institusi pendidikan dalam menyokong pembangunan sosial. **Pelbagai program telah dijalankan di dalam dan luar negara** antaranya Malaysia-Indonesia *International Sulam Collaboration; Road Furniture Appraisal (Lampiran 3.15)*, *Global Engineers Leadership Exchange (Lampiran 3.16)* dan IMPIAN 2023 (**Lampiran 3.17**). Menerusi Program IMPIAN 2023 (**Lampiran 3.17**) merupakan program kerjasama diantara KPK UiTM dan Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia yang menerapkan elemen pertanian pintar melalui teknologi *Aeroponic* dan penanaman bertingkat. Melalui inisiatif ini, pelajar bukan sahaja mengaplikasikan pengetahuan akademik mereka ke dalam konteks dunia sebenar, tetapi juga memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan komuniti. Penglibatan pelajar dalam projek komuniti, misalnya, boleh membawa manfaat seperti pemindahan teknologi, peningkatan kemahiran masyarakat, dan penyelesaian masalah yang relevan dengan keperluan setempat. Selain itu, pengalaman ini memberi pelajar peluang untuk mengembangkan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, kerjasama, dan komunikasi yang tidak dapat diperolehi sepenuhnya dalam bilik kuliah. Oleh itu, sumbangan pelajar kepada masyarakat setempat bukan sahaja memperkayakan komuniti tetapi juga memantapkan pengalaman pendidikan mereka, menjadikan mereka lebih bersedia untuk berperanan aktif dalam masyarakat selepas tamat pengajian. Selain itu, menerusi kerjasama yang dijalankan, **pihak industri dan alumni dapat menyumbang sama ada dari segi kewangan atau kepakaran**, bukan sahaja menyokong program pelajar tetapi juga menyumbang kepada peningkatan reputasi institusi pendidikan. Sebagai contoh penghasilan kereta solar Generasi ke-5 *Eco Photon (KerisGen5) (Lampiran 3.18)* menerima pelbagai manfaat dan tajaan daripada pelbagai pihak industri yang percaya dengan potensi dipamerkan pelajar KPK, UiTM. Secara keseluruhannya, pendedahan ini turut memperkasa pelajar dengan kemahiran insaniah yang kritikal dalam persekitaran profesional.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_T01_TB03_20241_Lampiran 3.13 Penerangan Google Site HEP.pdf](#)
2. [B0081_T01_TB03_20242_Lampiran 3.14 Sistem eCakna.pdf](#)
3. [B0081_T01_TB03_20243_Lampiran 3.15 Malaysia-Indonesia International Sulam Collaboration: Road Furniture Appraisal.pdf](#)
4. [B0081_T01_TB03_20244_Lampiran 3.16 Global Engineers Leadership Exchange-5-17.pdf](#)
5. [B0081_T01_TB03_20245_Lampiran 3.17 IMPIAN 2023 dan Lampiran 3.18 KERETA SOLAR GEN 5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan yang berterusan dan efektif merupakan kunci utama dalam memastikan segala program yang dirancang oleh HEP KPK bersama pelanggan utama (pelajar) dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif utama yang telah ditetapkan. Antara pemantauan berkesan yang dilaksanakan oleh HEP KPK dalam memastikan pengurusan dan pelaksanaan yang sistematik adalah seperti berikut:

a. Maklum balas pelanggan

Maklum balas pelanggan adalah tindak balas yang diberikan oleh pelanggan (termasuk aduan, penghargaan, kirikan atau saranan dan tahap keberkesanan) berkenaan dengan sesuatu program. Pengumpulan maklum balas pelanggan adalah melalui borang secara fizikal atau secara atas talian (e-Cakna dan google site HEP KPK) (**Lampiran 3.19**). Data yang diperoleh dari maklum balas ini adalah sangat penting untuk menilai keberkesanan program dan penambahbaikan di masa akan datang. Dalam sistem e-Cakna sebagai contoh permohonan bantuan kewangan, tindakan akan diambil dalam tempoh tiga (3) hari bekerja (**Lampiran 3.20**).

b. Borang Penilaian Aktiviti Pelajar

Borang penilaian aktiviti pelajar merupakan borang untuk mengumpul maklum balas dan penilaian dari peserta program yang disediakan oleh setiap penganjur program samada pihak HEP KPK ataupun persatuan pelajar. Borang ini mengandungi maklumat seperti tahap pemahaman peserta tentang isi kandungan program sebelum dan selepas program dan juga keberkesanan program dalam pembangunan kemahiran insaniah dan kualiti diri. Sebagai contoh (*exit survey*) (**Lampiran 3.21**) untuk mengukur keberkesanan program yang dijalankan.

c. Laporan akhir aktiviti/program

Laporan akhir aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pelajar atau HEP KPK merupakan laporan penuh aktiviti yang mengandungi maklumat penting berkenaan dengan program termasuk tujuan utama program, aturcara program, senarai kehadiran peserta, cadangan penambahbaikan program, implikasi kewangan dan bukti pelaksanaan program. Antara contoh laporan akhir adalah disertakan dalam **Lampiran 3.22**.

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_T01_TB04_TC01_20241_Lampiran 3.19 Maklumbalas pelajar dalam sistem e-Cakna.pdf](#)
2. [B0081_T01_TB04_TC01_20242_Lampiran 3.20 Contoh permohonan bantuan kewangan.pdf](#)
3. [B0081_T01_TB04_TC01_20243_Lampiran 3.21 Contoh Analisa Exit survey.pdf](#)
4. [B0081_T01_TB04_TC01_20244_Lampiran 3.22 Contoh laporan akhir tahun aktiviti pelajar.pdf](#)
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Keselamatan pelajar, masalah kesihatan mental, kekangan kewangan untuk aktiviti pelajar, dan kekurangan penyertaan pelajar dalam aktiviti/program merupakan risiko yang dikenalpasti oleh pengurusan HEP KPK (**Lampiran 3.23**). Pihak KPK berusaha dan melakukan beberapa inisiatif dalam menangani kesemua risiko tersebut.

Pertama, risiko keselamatan pelajar seperti kecederaan dan kemalangan semasa aktiviti pelajar. Pihak HEP KPK telah mengadakan taklimat keselamatan dan kesihatan, menyediakan poster keselamatan dan pelan kebakaran bagi mengawal risiko terbabit. Selain itu, penyediaan kotak kecemasan, pematuhan kepada Prosedur Operasi *Standard* (SOP), dan kehadiran dalam kursus keselamatan adalah wajib bagi semua aktiviti fizikal luar kampus bagi mengurangkan risiko kecederaan dan kemalangan (**Lampiran 3.24**).

Kedua, masalah kesihatan mental merupakan risiko yang amat diberi perhatian oleh pihak HEP KPK. Ianya ditangani dengan kerjasama daripada Unit Kaunseling melalui program taklimat dan bimbingan kepada pelajar yang memerlukan. Program kesihatan mental melalui pemantauan menerusi sistem e-CAKNA juga dapat mengekang risiko kesihatan mental pelajar. Selain itu ujian kesihatan mental bagi pelajar yang menjalani latihan industri turut dijalankan (**Lampiran 3.25**). Ketiga, kekangan kewangan dalam melaksanakan aktiviti pelajar merupakan risiko yang sering dihadapi. Pihak HEP KPK mengambil langkah proaktif dengan melakukan langkah penjimatan seperti mengurangkan honorarium penceramah, menggabungkan program yang serupa, dan menjana sumber pendapatan melalui sumbangan daripada penaja (**Lampiran 3.26**).

Risiko yang keempat adalah berkaitan kekurangan penyertaan pelajar dalam aktiviti HEP. Pelbagai kaedah telah dilakukan seperti meluaskan penyebaran maklumat program/aktiviti melalui promosi di media sosial, mengadakan kursus pengurusan organisasi, dan berkerjasama rapat dengan penasihat akademik bagi memastikan program mendapat sambutan yang baik (**Lampiran 3.27**).

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_T01_TB04_TC02_20241_Lampiran 3.23 HEP Daftar Risiko 2023.pdf](#)
2. [B0081_T01_TB04_TC02_20242_Lampiran 3.24 Poster Taklimat Safety Workshop \(Compile\).pdf](#)
3. [B0081_T01_TB04_TC02_20243_Lampiran 3.25 Sistem eCakna \(Compile\).pdf](#)
4. [B0081_T01_TB04_TC02_20244_Lampiran 3.26 Langkah penjimatan, penjanaaan.pdf](#)
5. [B0081_T01_TB04_TC02_20245_Lampiran 3.27 Promosi media sosial Pengurusan organisasi \(Compile\).pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak pengurusan HEP KPK sentiasa cakna terhadap setiap maklum balas dan aduan pelajar agar proses penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan. Menjadi aspirasi pihak HEP KPK untuk menyokong pembangunan pelajar dan menyediakan persekitaran yang kondusif. Dengan kepadatan pelajar KPK yang tinggi, pihak pengurusan komited menyediakan pelbagai *platform* digital yang mesra pengguna dan mudah untuk menyelaras segala aduan dan maklumbalas pelajar.

Pelbagai mekanisme telah disediakan untuk menerima maklumbalas dan aduan daripada pelajar seperti **e-Cakna**, borang penilaian aktiviti pelajar dan laporan akhir aktiviti/ program. e-Cakna (LY2023W03884 Nombor pendaftaran Harta Intelek) merupakan *platform* atas talian yang mula digunakan pada 2021 bertujuan untuk membolehkan pelajar mengajukan permasalahan dan cadangan berkaitan kebajikan dan kesejahteraan pelajar. Segala permakluman diteliti dan diambil tindakan dengan kadar segera. Manakala permasalahan atau aduan pelajar berkaitan perkara diluar bidang kuasa pihak HEP KPK ia akan terus disalurkan ke pihak yang berkaitan.

Secara dasar, maklumbalas yang dikenalpasti melibatkan aspek pembangunan keperluan pembelajaran dan akademik pelajar. Aspek pembangunan diri pelajar disokong dengan penglibatan pelajar melalui persatuan atau kelab dan aktiviti berimpak tinggi. Bagi menyokong usaha ini, **Mesyuarat Jawatankuasa Keraian dan Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) (Lampiran 3.28) dijalankan setiap bulan** oleh pihak HEP KPK untuk memantau dan meluluskan segala permohonan aktiviti melalui kertas kerja yang dihantar oleh persatuan pelajar di Google Site HEP.

Bagi memenuhi keperluan persatuan dan kelab, pihak HEP KPK komited menyediakan program berulang yang dianjurkan satu kali setiap tahun. **Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar (KPOP) (Lampiran 3.29) dan Kursus Pemantapan Kepimpinan (KuPeKe) (Lampiran 3.30)** dijalankan setiap tahun bagi menentukan halatuju kelab atau persatuan, perancangan aktiviti, pengurusan kewangan, menambah baik pengurusan persatuan yang baru dilantik. Selain itu **Persidangan Persatuan (Lampiran 3.31)** juga dijalankan setiap tahun dimana persatuan pelajar akan menyuarakan maklumbalas dan usul untuk penambahbaikan. Hasil dapatan daripada Persidangan ini akan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan HEP dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) KPK dan dibincangkan dan diputuskan. Dua (2) wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) adalah ahli yang turut hadir Mesyuarat JKE KPK. Ini adalah untuk memberi ruang kepada ahli MPP menyampaikan usul dan permasalahan di kalangan pelajar. Contoh permasalahan adalah isu *parking*, *cafeteria*, *fasiliti*, *peperiksaan* dan lain-lain.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_T01_TB04_TC03_20241_Lampiran 3.28 Mesyuarat Jawatankuasa Keraian dan Pengurusan Aktiviti Pelajar \(JKPAP\).pdf](#)
2. [B0081_T01_TB04_TC03_20242_Lampiran 3.29 Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar \(KPOP\).pdf](#)
3. [B0081_T01_TB04_TC03_20243_Lampiran 3.30 Kursus Pemantapan Kepimpinan \(KuPeKe\).pdf](#)
4. [B0081_T01_TB04_TC03_20244_Lampiran 3.31 Persidangan Persatuan.pdf](#)
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

HEP KPK sentiasa komited mengamalkan cara komunikasi yang cekap dan efektif dalam pengurusan dan gerak kerja bagi memastikan segala program dan aktiviti yang dijalankan untuk pelanggan utama (pelajar), staf KPK dan komuniti luar bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Sejajar dengan perkembangan teknologi, pengurusan HEP KPK telah mengintegrasikan inovasi teknologi terkini iaitu penggunaan **Telegram** (<https://t.me/infohepkpkuitm>) bagi penyebaran maklumat tentang sesuatu program adalah lebih mudah, cepat dan responsif kepada semua pelanggan termasuk pelajar dan staf di KPK. Seterusnya, HEP KPK juga memanfaatkan *platform* media sosial, seperti **Instagram** (<https://www.instagram.com/hepkpk?igsh=MWJjejhmdzdVMGZhcA==>), **Facebook** (<https://www.facebook.com/HEP-Kolej-Kejuruteraan-104189008488450>) dan saluran **Youtube** (https://www.youtube.com/channel/UC7jglh_svw6gdJ7qk7nZm7A) sebagai medium penyebaran maklumat yang lebih berkesan dan meluas kepada pelanggan terutamanya generasi Z dan generasi Alfa.

Perkongsian tentang program yang telah dijalankan juga di sebarluaskan melalui atas talian iaitu website rasmi **UiTM news Hub** (<https://news.uitm.edu.my/>) (**Lampiran 3.32**) di mana pelaporan ringkas bagi setiap program yang dianjurkan dibawah HEP KPK boleh di muat naik ke dalam website ini. Penggunaan *platform* sosial media dan website rasmi UiTM merupakan kaedah yang sangat efektif dalam **visibiliti** dan juga promosi KPK di seluruh dunia.

Selain itu, pelanggan boleh mendapatkan maklumat berkenaan perancangan aktiviti pelajar dan petunjuk prestasi utama (PI) HEP KPK dimana kerjasama dan integrasi program dapat dijalankan selaras saranan UiTM untuk meningkatkan kolaborasi melalui kerangka *quadruple helix* (organisasi swasta, agensi kerajaan, akademik dan masyarakat). Sebagai contoh, penglibatan pelajar KPK program bersama komuniti dalam program **SULAM (Lampiran 3.33)** yang telah dilaksanakan pada tahun 2023.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_T01_TB05_20241_Lampiran 3.32 Contoh laporan ringkas UiTM News Hub.pdf](#)
2. [B0081_T01_TB05_20242_Lampiran 3.33 contoh program SULAM.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) di UiTM telah merangka **perancangan (Plan)** yang sistematik dan inovatif untuk memastikan pembangunan holistik 7544 orang pelajar pra dan pasca siswazah melalui pendekatan pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan yang berkesan. **Pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan adalah berdasarkan data yang diperolehi dari dua (2) Unit utama di HEP KPK iaitu Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar dan Unit Kebajikan dan Kesejahteraan.** Keberkesanan perancangan yang diatur dengan teliti oleh HEP KPK dapat diterjemahkan melalui **penapaian Petunjuk Prestasi (PI)** yang telah berjaya dicapai.

Dalam **pelaksanaan perancangan (Do)** yang dirangka, HEP KPK menggunakan dua instrumen utama iaitu **pengkalan data e-Pelaporan Aktiviti Pelajar (e-PAP) dari platform CoE-HEP KPK dan pengumpulan usul atau aduan dari Persidangan Pelajar.** Instrumen-instrumen ini digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data berkaitan aktiviti yang diatur oleh Persatuan Pelajar serta penglibatan mereka dalam sembilan (9) kategori utama aktiviti pelajar termasuk akademik dan ilmiah, wacana intelek, pengucapan awam, sukan dan rekreasi, kebudayaan dan warisan, kesukarelawanan, kerohanian, keusahawanan dan sains, teknologi dan inovasi. Selain itu, pelaksanaan kebajikan dan kesejahteraan pelajar diukur menggunakan empat instrumen asas iaitu melalui **inovasi e-Cakna, Kupon Infaq Makanan (KIM), bantuan kewangan melalui Tabung Projek Kecemasan Pelajar KPK dan Bantuan Zakat** yang telah dilaksanakan dengan memanfaatkan **kerjasama dengan NGO, alumni dan pihak industri.** Data penerima bantuan dikumpulkan dan dianalisa untuk memastikan pelajar yang memerlukan bantuan dibantu dengan segera. Pelaksanaan ini jelas menunjukkan komitmen HEP KPK dalam memastikan semua pelajar yang memerlukan bantuan mendapat manfaat penuh daripada program kebajikan yang KPK sediakan. Kesemua aktiviti pengukuran dan analisa data berdasarkan instrumen diatas diselaraskan oleh **Ketua, Koordinator dan Penyelaras** di Pejabat HEP KPK.

Di HEP KPK, setiap PI, jumlah penglibatan pelajar dalam aktiviti berpersatuan yang terdiri dari (9) **kategori dipantau (Check)** secara berterusan melalui **mesyuarat berkala** di peringkat HEP dan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) HEP. KPK memanfaatkan **inisiatif Panel Penilai Dalam Zakat** agar pelajar yang layak sahaja menerima bantuan zakat. Ini meningkatkan jumlah penerima bantuan yang layak. **Pengurusan risiko yang baik melalui langkah intervensi** yang telah dikenal pasti telah didaftar di **eRMS** membantu KPK mengurangkan potensi risiko seperti keselamatan pelajar, kewangan, penyertaan pelajar dan program tidak berimpak.

Berdasarkan hasil pemantauan dan analisa, HEP KPK mengatur strategi **tindakan penambahbaikan (Act)** berdasarkan analisa kaji selidik keberkesanan program untuk memastikan peningkatan berterusan dalam pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan di KPK. Tindakan ini termasuk **pembudayaan penggunaan aplikasi digital e-PAP** untuk memudahkan akses Google dari dalam dan luar UiTM. Selain itu, tindakan penambahbaikan juga melibatkan peningkatan dalam pengurusan kebajikan pelajar, seperti **memperluas kerjasama dengan pihak luar UiTM** untuk meningkatkan sumber dana bantuan dan memastikan kebajikan pelajar diurus dengan lebih baik. Semua **tindakan penambahbaikan ini dikongsi secara rasmi kepada warga KPK melalui platform komunikasi yang berkesan** termasuk laman sesawang, media sosial, dan mesyuarat rasmi serta semasa Amanat PNC KPK.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPK adalah antara PTJ yang memiliki jumlah pelajar terbesar di UiTM, sangat komited dalam menyokong pembangunan **holistik** pelajarannya dalam usaha menghasilkan mahasiswa bercirikan "**smart and sharp**". HEP KPK tidak hanya menumpukan kepada aspek keperluan akademik tetapi turut menekankan kepentingan kemahiran insaniah dan kebajikan. Justeru bagi memastikan kualiti bidang tumpuan ini terjamin, pengurusan kanan KPK proaktif menyediakan pelbagai instrumen pengukuran secara menyeluruh sepertimana yang dikenalpasti dalam **Perancangan Pelan Strategik KPK**. Pengukuran dan analisa pencapaian bidang tumpuan **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** adalah berdasarkan kepada dua (2) unit yang terdapat di HEP KPK iaitu Unit Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar serta Unit Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar (**Lampiran 4.1**).

Salah satu pengukuran penting pencapaian KPK sejajar aspirasi universiti adalah melahirkan graduan yang kompetitif, berdaya saing, berinovasi, dan mempunyai daya kepimpinan yang baik dimana ianya diukur melalui **impak penglibatan pelajar** dalam pelbagai aktiviti kokurikulum. Kejayaan perancangan KPK yang sistematik ini dapat ditafsirkan daripada **analisa pencapaian cemerlang kesemua sembilan (9) PI** HEP KPK yang telah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh BTU. Pencapaian sembilan (9) PI dibentangkan setiap bulan di Mesyuarat Eksekutif peringkat KPK (JKE). Sebanyak lebih 400 aktiviti pada tahun 2023 berjaya dianjurkan oleh 23 kelab/persatuan pelajar. Melalui data penjejakan ini, ia membuktikan bahawa kelab dan persatuan dalaman KPK adalah aktif dan berdaya saing serta berjaya menjalankan aktiviti yang signifikan ke arah pencapaian PI. Pengukuran penglibatan pelajar dalam program pengantarabangsa juga telah berjaya meningkatkan kemahiran sosial pelajar melalui program seperti i-SULAM, komunikasi antarabangsa dan juga *e-sport*. Ini menunjukkan ketampakan pelajar KPK di peringkat global yang berkemampuan menguasai bidang teknologi. Pengukuran dilaksanakan melalui pengumpulan pelaporan aktiviti pelajar yang dihantar melalui **inovasi platform CoE-HEP KPK (Lampiran 4.2)**.

Kaedah pengukuran bagi program Kepimpinan pelajar adalah berpandukan kepada bilangan program kepimpinan berimpak tinggi yang dilaksanakan. **Penambahbaikan dan inovasi terhasil** dari usul dan cadangan yang didokumenkan oleh perwakilan kepimpinan pelajar melalui Program Persidangan Persatuan Pelajar yang diadakan setiap tahun. **Proses penambahbaikan dizahirkan melalui penganjuran Kursus Pemantapan Organisasi Pelajar (KPOP) dan Kursus Pemantapan Kepimpinan (KuPeKe) yang merupakan** dua inisiatif utama diperkenalkan oleh HEP KPK (**Lampiran 4.3**).

Keberhasilan ketampakan pelajar turut diukur melalui **anugerah dan pengiktirafan** yang diperolehi pelajar di pelbagai peringkat termasuk juga kejayaan dalam bidang sukan antaranya yang diraih dalam Sukan Antara Fakulti (SAF). Majlis Kecemerlangan HEP (MAKeceH) dianjurkan sebagai bukti sokongan pengurusan HEP KPK ke atas pengiktirafan kejayaan dalam kokurikulum pelajar (**Lampiran 4.4**). Penghargaan terbahagi kepada dua kategori iaitu anugerah persatuan yang merangkumi 15 anugerah dan 9 anugerah individu.

Selain itu, HEP KPK menjalankan pengumpulan dan analisa data **kebajikan dan kesejahteraan pelajar**. Instrumen e-Cakna membantu mengukur **kepuasan pelajar** terhadap perkhidmatan yang disediakan serta memastikan tindakan susulan diambil dengan segera untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan. Dengan mengambil kira bilangan pelajar yang ramai, data yang diambil dari instrumen e-Cakna adalah seperti berikut: i) penerima bantuan makanan melalui inovasi instrumen **Kupon Infaq Makanan (KIM)**, bilangan penerima daripada **Tabung Kecemasan Pelajar** dan iii) Bilangan penerima **bantuan zakat** bagi pelajar yang tergolong dalam kategori **B40 (Lampiran 4.5)**. **Pelantikan pentadbir akademik di Pejabat HEP** bersama staf pentadbiran dalam pengurusan pengumpulan data menjadikan pengukuran pencapaian dapat dilakukan dengan baik.

SENAKAI BUKTI:

1. [B0081_A01_AB02_20241_Lampiran 4.1 Model Pengukuran Kepimpinan dan Pembangunan.pdf](#)
2. [B0081_A01_AB02_20242_Lampiran 4.2 Inovasi platform CoE-HEP KPK \(e-PAP\).pdf](#)
3. [B0081_A01_AB02_20243_Lampiran 4.3 Laporan KPOP & KuPeke 2023.pdf](#)
4. [B0081_A01_AB02_20244_Lampiran 4.4 Majlis Apresiasi Kecemerlangan Hal Ehwal Pelajar \(MAKeceH\).pdf](#)
5. [B0081_A01_AB02_20245_Lampiran 4.5 Jadual penerima zakat tahun 2023.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

HEP KPK telah memperluas penggunaan pelbagai instrumen untuk memastikan keberkesanan pengukuran, analisa, dan pengurusan pengetahuan bidang tumpuan. Pengurusan data di KPK mengadaptasi pendekatan inovatif dan responsif terhadap keperluan pelajar. Pengukuran pencapaian PI diukur melalui instrumen **e-Pelaporan Aktiviti Pelajar (e-PAP)** yang telah dibangunkan atas talian yang boleh diakses dengan mudah **di seluruh UiTM**. Cerapan data ini dilakukan setiap akhir bulan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Eksekutif HEP KPK bagi pelaporan ke pihak Pengeraja (BHEP UiTM) untuk penilaian dan sokongan sebelum ianya disahkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Pengukuran **pembangunan pelajar** melibatkan pengumpulan data jumlah aktiviti dan penglibatan pelajar melalui instrumen **e-Pelaporan Aktiviti Pelajar (e-PAP)**(**Lampiran 4.6**). Terdapat sembilan (9) kategori aktiviti yang diukur iaitu akademik dan ilmiah, wacana intelek, pengucapan awam, sukan dan rekreasi, kebudayaan dan warisan, kesukarelawanan, kerohanian, keusahawanan dan sains, teknologi dan inovasi seperti yang di tunjukkan di dalam **Rajah 4.1**. Pengukuran kepimpinan melibatkan pengumpulan data jumlah aktiviti berbentuk kepimpinan dan bilangan penyertaan pelajar di dalam aktiviti ini.

Dalam menyelesaikan sebarang permasalahan, pertanyaan, cadangan, aduan kerosakan fasiliti dan hebahan bantuan melibatkan program pelajar, **platform e-Cakna** digunapakai. *Platform e-Cakna* adalah merupakan instrumen untuk mengumpul maklum balas, cadangan, aduan kerosakan fasiliti dan hebahan bantuan. Data yang diperolehi dari e-Cakna (**Lampiran 4.7**) ini dikumpulkan dan dianalisa setiap bulan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Eksekutif HEP KPK (**Lampiran 4.8**) dan juga Mesyuarat Eksekutif KPK (JKE). Data yang digunakan untuk pengukuran adalah jumlah penerima bantuan Kupon Infaq Makanan (KIM), Tabung Projek Kecemasan dan Bantuan Zakat adalah melalui maklumat pelajar B40. **Rajah 4.2** menunjukkan proses permohonan di dalam e-Cakna.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_A01_AB03_20241_Lampiran 4.6 Data Yang Dijana melalui sistem e-PAP ..pdf](#)
2. [B0081_A01_AB03_20242_RAJAH 4.1 - KATEGORI AKTIVITI PELAJAR DI BAWAH HEP KPK_1.pdf](#)
3. [B0081_A01_AB03_20243_Lampiran 4.7 Maklumat yang dijana melalui Sistem e-Cakna.pdf](#)
4. [B0081_A01_AB03_20244_Lampiran 4.8 Minit Mesyuarat Eksekutif HEP KPK melibatkan platform e-Cakna..pdf](#)
5. [B0081_A01_AB03_20245_Rajah 4.2- Proses permohonan dan aduan melalui e-Cakna.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Melalui sistem e-PAP, penghantaran laporan akhir aktiviti pelajar akan di pantau dan dikemaskini secara berkala. Sekiranya, laporan akhir tidak dihantar atau tidak lengkap, staf pentadbiran akan memberi peringatan bertulis melalui emel kepada Pengarah Program dan Penasihat untuk mengambil tindakan segera (**Lampiran 4.9**). Pembentangan hasil aktiviti pelajar merupakan salah satu agenda semasa Mesyuarat Eksekutif HEP KPK, bagi menilai keberkesanan aktiviti dan juga pemakluman kepada semua staf HEP (**Lampiran 4.10**).

Hasil daripada program Persidangan Pelajar yang diadakan pada setiap tahun dijadikan rujukan utama dalam mengenalpasti isu-isu dan cadangan penambahbaikan terhadap program sedia ada serta memastikan sebarang aduan atau permasalahan yang dibangkitkan dipanjangkan kepada pihak Pengurusan Kanan KPK melalui JKE. JKE akan meneliti setiap isu/cadangan/usul beserta dengan tindakan dan garis masa tindakan (**Lampiran 4.11**).

Aduan dan permasalahan yang dibuat melalui sistem e-Cakna akan diproses oleh Koordinator dan Pegawai Eksekutif HEP KPK dan disalurkan ke Unit berkaitan untuk tindakan lanjut. Setiap laporan bulanan (**Lampiran 4.12**) yang dihasilkan melalui sistem ini akan dibentangkan oleh Ketua Kebajikan dan Kesejahteraan HEP KPK dalam Mesyuarat Eksekutif HEP, bagi memastikan isu kebajikan pelajar ditangani dengan berkesan dan teratur. Data B-40 dari sistem SIMS UiTM juga digunakan untuk menyalurkan bantuan seperti Kupon Infaq Makanan (KIM) yang menggunakan Tabung Kecemasan Pelajar KPK.

Pelajar yang menghadapi masalah kewangan boleh memohon bantuan zakat melalui sistem e-Zakat, di mana mereka akan melalui saringan dokumen dan disiplin sebelum ditemuduga oleh penemuduga HEP yang terlatih. Data pelajar yang berjaya (disokong) (**Lampiran 4.13**) akan disimpan untuk rujukan masa hadapan jika mereka masih memerlukan bantuan. Secara keseluruhan, e-Cakna mengintegrasikan sistem-sistem lain bagi memastikan kebajikan pelajar di KPK diuruskan dengan baik.

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_A01_AB04_AC01_20241_Lampiran 4.9 Sampel e-mel bagi peringatan penghantaran laporan akhir program.pdf](#)
2. [B0081_A01_AB04_AC01_20242_Lampiran 4.10 Minit Mesyurat Eksekutif HEP KPK.pdf](#)
3. [B0081_A01_AB04_AC01_20243_Lampiran 4.11 Dokumen Usul Persidangan Pelajar.pdf](#)
4. [B0081_A01_AB04_AC01_20244_Lampiran 4.12 Slaid laporan dan tindakan yang diambil terhadap aduan di e-Cakna.pdf](#)
5. [B0081_A01_AB04_AC01_20245_Lampiran 4.13 Laporan e-zakat \(ZAWAF\).pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

HEP KPK menjalankan pengurusan risiko secara menyeluruh dengan mengenalpasti dan menilai jangkaan sesuatu peristiwa mungkin atau akan berlaku yang boleh menjejaskan keberkesanan Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan dalam mencapai objektif bidang tumpuan. Proses ini melibatkan analisis tahap risiko yang merangkumi penilaian terhadap pelbagai aspek iaitu impak kepada kewangan, reputasi, operasi dan pencapaian objektif yang telah dirancang. Setelah punca risiko dikenalpasti berdasarkan **hasil daripada analisis SWOT, laporan audit, minit mesyuarat dan maklum balas dengan pelajar**, kesan risiko, strategi kawalan, kebarangkalian risiko, penilaian kesan dan tahap kesan risiko dianalisis dengan teliti oleh HEP KPK. Semua risiko yang dikenalpasti ini **didaftarkan menggunakan borang Daftar Risiko Pusat Tanggungjawab dan direkodkan dalam sistem eRMS (Lampiran 4.14)**.

Di HEP KPK, terdapat 3 risiko utama yang perlu diberi perhatian serius bagi memastikan kelangsungan dan kejayaan program-program yang dianjurkan. Risiko pertama ialah **keselamatan pelajar**, terutamanya semasa mengendalikan program sama ada di dalam atau di luar kampus. Kekurangan taklimat keselamatan, ketidakcaknaan terhadap persekitaran, serta kegagalan mematuhi SOP yang ditetapkan boleh mengundang bahaya kepada pelajar. Oleh itu, langkah-langkah proaktif seperti meningkatkan taklimat keselamatan, merancang aspek keselamatan dengan lebih teliti sebelum program, dan menyemak insurans kesihatan (sekiranya berkenaan) adalah penting untuk melindungi kebajikan pelajar (**Lampiran 4.15**). Risiko kedua adalah **kesihatan mental** pelajar, di mana pelbagai isu seperti depresi dan hilang motivasi diri sering timbul akibat masalah keluarga, kewangan, dan perasaan dipinggirkan oleh rakan-rakan. Pelajar yang bermasalah dirujuk kepada Pusat Kaunseling dan Kerjaya UiTM bagi mendapatkan bantuan profesional, dan dalam kes yang kritikal, rawatan di hospital mungkin diperlukan. HEP KPK juga sentiasa bekerjasama dengan unit lain di UiTM mahupun organisasi luar dengan memperbanyakkan program-program kesedaran kesihatan mental (**Lampiran 4.16**).

Risiko terakhir ialah **kekangan kewangan**, di mana banyak program yang memerlukan perbelanjaan tinggi sukar dilaksanakan dengan baik. Hal ini bukan sahaja menjejaskan kelancaran program, tetapi juga menjejaskan motivasi pelajar untuk menganjurkan dan menyertai aktiviti. Untuk mengatasi masalah ini, program dalam talian dijadikan alternatif yang lebih kos efektif, serta pelajar digalakkan untuk memohon tajaan luar dari NGO, industri, atau alumni (**Lampiran 4.17**).

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_A01_AB04_AC02_20241_Lampiran 4.14 Borang Daftar Risiko Pusat Tanggungjawab dan direkodkan dalam sistem eRMS.pdf](#)
2. [B0081_A01_AB04_AC02_20242_Lampiran 4.15 laporan dan Bukti Program keselamatan anjuran kelab pelajar.pdf](#)
3. [B0081_A01_AB04_AC02_20243_Lampiran 4.6 Data Yang Dijana melalui sistem e-PAP ..pdf](#)
4. [B0081_A01_AB04_AC02_20244_Lampiran 4.17 Senarai program yang mendapat tajaan luar.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KPK menitikberatkan proses pengumpulan, analisis, dan penilaian data sebagai asas untuk tindakan penambahbaikan. Data dan laporan dikumpulkan **setiap bulan** oleh Unit HEP yang bertanggungjawab mengemas kini dan menganalisa data aktiviti serta program yang telah dilaksanakan bagi memudahkan penilaian terhadap isu atau keberkesanan dan pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Hasil analisis **dibentangkan** kepada pihak pengurusan KPK (**Lampiran 4.19**) dalam **mesyuarat berkala HEP dan JKE** bagi tujuan tindakan pembetulan jika sasaran belum tercapai dalam tempoh yang ditetapkan. Proses ini memastikan setiap aktiviti memenuhi sasaran KPK serta menyokong bidang tumpuan yang dipilih iaitu **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**. Antara tindakan penambahbaikan yang diambil hasil daripada cerapan data dan kajian semula dalam konteks kepemimpinan adalah pelaksanaan inisiatif seperti **KPOP** dan **KuPeKe** iaitu satu usaha yang dianjurkan oleh KPK untuk meningkatkan kualiti dan menyediakan keperluan program kepimpinan yang relevan kepada pelajar (**Lampiran 4.20**). Selain daripada itu, HEP KPK melaksanakan penambahbaikan dalam proses temuduga zakat. Sebelumnya, pelajar yang berjaya dalam saringan awal diberi kebebasan memilih slot temuduga yang dipaparkan di skrin pelajar. Namun, ini menimbulkan kesulitan bagi penemuduga untuk mematuhi masa yang telah ditetapkan. Sebagai penambahbaikan, HEP KPK kini menetapkan beberapa tarikh sahaja untuk proses temuduga dan maklumat mengenai slot tersebut dipaparkan melalui poster dan platform rasmi seperti Telegram Info HEP KPK (**Lampiran 4.21**). Pelajar dikehendaki hadir mengikut masa yang ditetapkan, dan sekiranya terdapat masalah, mereka boleh menghubungi pejabat HEP KPK untuk menetapkan tarikh temuduga yang baru. Pendekatan ini menjadikan proses temuduga lebih teratur dan memastikan pelajar yang layak dapat menjalani proses tanpa kesulitan.

Bagi program Kupon Infaq Makanan (KIM), penambahbaikan dilakukan dalam proses agihan kupon. Sebelumnya, pengambilan kupon dijalankan secara "first come, first serve," di mana setiap pelajar hanya mendapat dua kupon bernilai RM10 dan boleh mengambilnya semula pada masa atau minggu lain. Ini menyebabkan ramai pelajar yang layak tidak berpeluang untuk menerima kupon. Penambahbaikan yang dilaksanakan kini melibatkan agihan kupon berdasarkan pengkalan data pelajar B40 yang diselenggara oleh HEP KPK. Pelajar yang layak akan dimaklumkan melalui emel/ *WhatsApp* dan hanya layak menerima dua kupon sahaja. Rekod pengambilan kupon diselenggara oleh staf HEP bagi memastikan kupon diberikan hanya kepada pelajar yang layak sahaja (**Lampiran 4.22**).

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_A01_AB04_AC03_20241_Lampiran 4.19 Minit mesyuarat Eksekutif HEP KPK dan pembentangan.pdf](#)
2. [B0081_A01_AB04_AC03_20242_Lampiran 4.20 Bukti penganjuran KPOP dan KuPeKe.pdf](#)
3. [B0081_A01_AB04_AC03_20243_Lampiran 4.21 Hebahan dan senarai pelajar berjaya .pdf](#)
4. [B0081_A01_AB04_AC03_20244_Lampiran 4.22 Whatsapp dan Poster hebahan berkenaan program KIM.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Amalan dan pembudayaan kolaborasi antara HEP KPK dengan pihak dalam dan luar UiTM telah membawa kepada pelaksanaan pelbagai program yang memberikan variasi dan impak yang signifikan terhadap pembangunan pelajar. Kolaborasi ini tidak hanya terhad kepada bantuan sokongan dari dalam kampus seperti BHEP yang menyediakan platform perancangan dan pelaporan program serta bantuan kewangan tambahan, tetapi juga melibatkan peranan penting oleh Pusat Kerjaya dan Kaunseling (PKK) UiTM serta Pusat Kesihatan UiTM

(**Lampiran 4.23**). Bantuan nasihat, motivasi, dan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh pusat-pusat ini memudahkan urusan pelajar untuk menyertai pelbagai program yang dianjurkan. Selain itu, keselamatan persekitaran pelajar juga diutamakan, terutamanya dalam isu-isu seperti parkir pelajar dan keselamatan ketika mengendalikan program di luar bangunan KPK (**Lampiran 4.24**). Unit Polis Bantuan memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan pelajar terjamin sepanjang pelaksanaan aktiviti.

Inisiatif kebajikan dan kesejahteraan pelajar turut mendapat sokongan yang luas dari NGO, industri, dan alumni. Sebagai contoh, program "Help for Hope" telah mendapat tajaan dari beberapa organisasi luar yang menyumbang dalam bentuk kewangan, barang keperluan harian, dan kepakaran. Pelajar Non-Resident (NR) KPK juga menerima sumbangan beras dari Syarikat Beras Faiza, menunjukkan kepercayaan yang tinggi dari organisasi luar terhadap pengurusan kebajikan HEP KPK. Selain itu, alumni KPK turut menyumbang secara langsung, ingin memberi kembali kepada institusi yang telah banyak berjasa kepada mereka (**Lampiran 4.25**). Integrasi dan komunikasi 2 hala bersama ZAWAF juga dilihat sebagai kerjasama strategik bagi memudahkan dan melancarkan proses temuduga zakat dan juga bantuan kebajikan yang lain (**Lampiran 4.26**). Pelajar yang mempunyai masalah kewangan yang kritikal dirujuk terus ke bahagian ini, beserta surat sokongan. Staf HEP kebiasaannya berhubung terus dengan pegawai ZAWAF berkenaan status permohonan dan juga kelulusan.

Keseluruhan integrasi dan kolaborasi ini, baik dari dalam mahupun luar UiTM, mencerminkan kepercayaan yang mendalam terhadap tadbir urus HEP KPK. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan data penglibatan pelajar dalam aktiviti berimpak serta jumlah penerima bantuan bagi yang memerlukan. Hasilnya mampu melonjakkan prestasi dalam bidang tumpuan **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**. Pendekatan holistik dan komprehensif ini bukan sahaja memfokuskan kepada pembangunan pelajar dari segi kepimpinan tetapi juga dari aspek kebajikan dan kesejahteraan mereka.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_A01_AB05_20241_Lampiran 4.23 Bukti Kerjasama Dalaman.pdf](#)
2. [B0081_A01_AB05_20242_Lampiran 4.24 Surat_komunikasi dengan Polis Bantuan UiTM.pdf](#)
3. [B0081_A01_AB05_20243_Lampiran 4.25 Tajaan program dari organisasi luar.pdf](#)
4. [B0081_A01_AB05_20244_Lampiran 4.26 Surat_dokumen kerjasama_tajaan ZAWAF.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia yang efektif memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta menjayakan inisiatif strategik yang dirancang di Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK). KPK sentiasa menggalakkan seluruh staf akademik dan pentadbiran untuk bersama-sama terlibat dalam program berkaitan hal ehwal berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar.

Perancangan sumber manusia yang teliti adalah merupakan aspek yang diberikan penekanan oleh KPK. Pelan penggantian bagi jawatan pentadbir akademik diwujudkan di KPK agar kesinambungan tugas dan proses kerja dapat berjalan lancar. Pelantikan staf yang berkelayakan dan mempunyai kepakaran mampu menyumbang kepada kejayaan sesebuah program yang dilaksanakan. Selain dari itu, KPK sentiasa menjalankan latihan dan pembangunan profesional yang berterusan bagi membantu meningkatkan kemahiran sumber manusia dalam pengurusan hal ehwal pelajar, serta memahami tren dan keperluan semasa dalam pentadbiran dan pendidikan.

Struktur pengurusan KPK diperkasakan dengan perincian tugas dan tanggungjawab melibatkan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Penyelaras serta Penasihat Program. Disamping itu, bagi menyokong fungsi HEP, warga KPK turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa dalam membantu menggerakkan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat Universiti. Pengurusan Kanan KPK terdiri daripada penyandang bagi jawatan berikut:

- i. Penolong Naik Canselor
- ii. Dekan-Dekan (Akademik & Antarabangsa, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan & Inovasi dan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)
- iii. Ketua-Ketua Pusat Pengajian
- iv. Ketua Pentadbiran
- v. Ketua Unit Kualiti dan Strategi
- vi. Ketua Kewangan

Setiap warga KPK digalakkan untuk terlibat sekurang-kurangnya dalam satu program yang melibatkan aktiviti pelajar atau komuniti setempat. Pembangunan bakat, kemahiran dan pengetahuan juga amat dititikberatkan. Sehubungan dengan itu, individu yang berpotensi dikenal pasti dan digalakkan untuk menyertai kursus, bengkel atau seminar bagi mengukuhkan kompetensi diri.

Pelaporan berkala sentiasa dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) KPK, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif HEP KPK, Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Jawatankuasa Keraian Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP), bagi memantau keberkesanan sumber manusia di peringkat KPK. Perkara ini amat diberikan penekanan dalam memastikan aspek sumber manusia KPK bergerak seiring dengan inisiatif strategik yang telah dirancang. Mesyuarat-mesyuarat ini memantau prestasi sumber manusia dan proses hal ehwal pelajar secara berterusan bagi membantu mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan. Pemantauan keberkesanan sumber manusia turut dinilai semasa penyediaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

Proses penambahbaikan berterusan juga adalah aspek yang dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia. Pengurusan kanan KPK secara berterusan menyokong penuh penambahbaikan yang dilaksanakan bagi memastikan aktiviti dan program yang dijalankan memenuhi objektif program. Sehubungan dengan itu, staf akademik dan staf pentadbiran amat diberikan galakan untuk bekerja secara kreatif dan inovatif. Penyertaan warga KPK dalam

perguruan tinggi seperti kumpulan inovasi dan kreatif (IKK), dan kecemerlangan operasi (CK) di peringkat universiti membantu proses penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan produktiviti sumber manusia di KPK.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam meningkatkan pencapaian bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar tiga (3) kaedah telah digunakan oleh HEP KPK dan diuraikan seperti berikut :

i. Pengurusan Sumber Manusia

Kaedah pengurusan sumber manusia KPK adalah berteraskan konsep perancangan teliti, pembangunan bakat berterusan dan perancangan pelan penggantian yang jelas. Ini kerana sumber manusia merupakan aset penting dalam menentukan kejayaan KPK.

Sehubungan dengan itu, berikut adalah antara kaedah yang digunakan oleh KPK dalam pengurusan sumber manusia untuk menjayakan bidang Pengurusan dan Pembangunan pelajar:

- a. Dekan HEP – berperanan dalam merancang dan memastikan hal ehwal pengurusan pembangunan pelajar KPK dilaksanakan berdasarkan strategi dan inisiatif yang dirangka.
- b. Ketua Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar – berperanan menguruskan bantuan kebajikan dan kesejahteraan pelajar.
- c. Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar- berperanan menguruskan aspek pembangunan dan kepimpinan pelajar.
- d. Koordinator Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar - berperanan dalam membantu Dekan HEP untuk mengurus, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada aspek kesejahteraan dan kebajikan pelajar.
- e. Koordinator Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar- berperanan dalam membantu Dekan HEP untuk mengurus, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada aspek pembangunan dan kepimpinan pelajar.
- f. Penyelaras Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar – berperanan membantu Koordinator Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar untuk melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada aspek kesejahteraan dan kebajikan pelajar.
- g. Penyelaras Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar - berperanan membantu Koordinator Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada aspek pembangunan dan kepimpinan pelajar.
- h. Penasihat Program- Pensyarah / Staf KPK yang dilantik untuk membantu pelajar dalam melaksanakan aktiviti / program.
- i. Staf Pentadbiran - Membantu HEP dalam urusan pengoperasian yang melibatkan aktiviti pelajar kolej.

Konsep pengurusan sumber manusia yang teratur ini membantu KPK meningkatkan peranan sumber manusia ke arah pencapaian berimpak tinggi yang mampu mengharumkan nama KPK. Carta Fungsi Bahagian HEP KPK seperti dalam **Lampiran 5.1** membuktikan pencapaian KPK dalam memenuhi 100% PI HEP bagi tahun 2023. Ini menunjukkan PI yang diberikan oleh Universiti adalah sumbangan penglibatan semua daripada warga KPK merangkumi staf dan pelajar.

ii) Pelan Penggantian bagi Jawatan Pentadbir Akademik di HEP

Fungsi utama jawatankuasa Pelan Penggantian Pentadbir Akademik (JPPPAK) KPK (**Lampiran 5.2**) ialah untuk melaksanakan proses mengenal pasti (*Assess*) calon-calon yang berkelayakan, membuat penilaian (*Evaluate*) dan membangunkan (*Develop*) calon-calon Dekan, Ketua Pengajian dan jawatan pentadbir akademik yang berkaitan yang berpotensi termasuk yang bakal meninggalkan universiti. Fungsi dan bidang kuasa Jawatankuasa Pelan Penggantian adalah seperti di **Lampiran 5.2**.

iii) Penaharaan dan Peniktirafan kepada Sumber Manusia

KPK menghargai sumbangan oleh warga HEP KPK dalam menjayakan bidang tumpuan. Sehubungan dengan itu pengiktirafan dan ganjaran kepada tenaga sumber manusia sentiasa dilaksanakan oleh pihak KPK sebagai satu bentuk penghargaan terhadap sumbangan yang diberikan. Berikut adalah antara bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada sumber manusia (**Lampiran 5.3**):

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC);
- Majlis Apresiasi Staf KPK; dan
- Hari Kecemerlangan KPK.

KPK turut membuat hebahan penghargaan melalui poster iaitu menggunakan medium media sosial bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh pelajar dan staf dalam mengharumkan nama KPK. Program seperti bacaan yasin, majlis sambutan hari raya dan sumbangan kepada warga KPK yang ditimpa musibah juga turut diadakan (**Lampiran 5.4**).

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_S01_SB02_20241_Lampiran 5.1 - CARTA FUNGSI HEP KPK.pdf](#)
2. [B0081_S01_SB02_20242_Lampiran 5.2 - Contoh Petikan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Penggantian KPK \(1\).pdf](#)
3. [B0081_S01_SB02_20243_Lampiran 5.3 - PEMENANG ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI PERINGKAT KPK 2023.pdf](#)
4. [B0081_S01_SB02_20244_Lampiran 5.4 - Senarai Program Pelajar KPK 2023.pdf](#)
- 5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi menjayakan aktiviti pengurusan dan pembangunan pelajar, pihak KPK telah melibatkan sumber manusia sedia ada dimana warga KPK turut terlibat sebagai Penasihat Program atau ahli jawatankuasa bagi menggerakkan inisiatif strategik 2022-2025 dibawah Objektif Strategik 2 : Strategi Dalam Perkhidmatan Penyampaian dan Sokongan.

Berikut adalah penglibatan dan pengoptimaan kepakaran serta pengalaman sumber manusia KPK dalam menggerakkan inisiatif yang dirancang.

i. Program Pengantarabangsaan

Tahun 2023 telah menyaksikan pelajar-pelajar KPK terlibat dalam pelbagai bentuk program bersifat pengantarabangsaan. Program ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa tunjuk ajar dan bimbingan Penasihat Program yang terdiri daripada staf KPK. Mereka yang dilantik diberikan tanggungjawab untuk memantau dan menasihati pelajar dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang (**Lampiran 5.5**).

Antara program pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan melibatkan kepakaran dan pengalaman staf KPK adalah seperti berikut (**Lampiran 5.6**) :

- a. Seminar *International Leadership Summit* (IntLeadS) 2023 bertarikh 20 hingga 22 Oktober 2023. (Penasihat program ialah Prof. Madya Dr. Fazlena Hamzah) ;
- b. International - Malaysia Professionalism, Innovation and Networking (IMPIAN) bertarikh 10 hingga 18 November 2023. (Penasihat program ialah Ts. Dr. Muhammad Syafiq Hazwan Bin Ruslan). Program telah diadakan di Jakarta dan Bogor, Indonesia ;dan
- c. *Maelstrom International e-Sports Championship (MECH) Mobile Legends* (Program Keusahawanan) pada 5 hingga 13 Jun 2023 (Penasihat ialah Encik Mohamad Mazwan Bin Mahat).

ii. Program Berbentuk Kepimpinan dan Mentor Mentee

Staf KPK juga telah memberikan sumbangan dan terlibat dalam melaksanakan program pelajar bersifat kepimpinan di KPK. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut (**Lampiran 5.7**):

- a. Kursus Pemantapan Organisasi Persatuan (KPOP) Sesi 2023 Persatuan/Kelab Dalam KPK pada 15 hingga 17 Mac 2023 (Dr Miradatul Najwa Mohd Rodhi sebagai Penasihat Persatuan dalam KPK yang terdiri daripada staf akademik juga terlibat dalam program ini).
- b. Bengkel Pemantapan Aktiviti Kelab Dan Persatuan Dalam Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) Sesi 2023 pada 24 Mac 2024 yang telah dikelola oleh Dr Miradatul Najwa Mohd Rodhi.
- c. Penjalinan Rangkaian Antara Kelab Persatuan KPK dan Universiti Antarabangsa Kyutech Dalam Kursus Pemantapan Organisasi Pelajar(KPOP KPK) (Penasihat program ialah Ts Ir Dr Hashimah Hashim). Program telah diadakan pada 16 Mac 2023.

iii. Program Bersifat Keusahawanan dan Karnival Kerjaya

Staf KPK juga terlibat dalam pelbagai program berbentuk keusahawanan dan karnival kerjaya. Program ini dirangka khas untuk memberikan ilmu dan nilai tambah kepada pembangunan pelajar. Melalui program keusahawanan, KPK dapat memberikan pendedahan kemahiran dan menyuntik minat dalam menjalankan perniagaan untuk penajaan pendapatan. Contoh penglibatan dan pengoptimaan staf dalam program ini adalah seperti (**Lampiran 5.8**):

- a. Penglibatan Ts. Dr. Muhammad Syafiq Hazwan bin Ruslan sebagai Penasihat Program Engine Ramadhan Fest yang diadakan pada 10 hingga 14 April 2024;

- b. Penglibatan Dr Nurul Hidayana Mohd Nor sebagai Penasihat Program Bicara Keusahawanan pada 11 Mei 2022;
- c. Penglibatan Cik Nur Aida Kamal sebagai Penasihat Program “Choosing Your Future Path” pada 14 Disember 2022; dan
- d. Penglibatan Puan Suzei Mat Nurudin @ Nordin sebagai Penasihat Program bagi “BACAS Book Bazaar 7.0.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_S01_SB03_20241_Lampiran 5.5 - LAPORAN PROGRAM INTERNATIONAL YOUNG ENGINEERS AT SCHOOL.pdf](#)
2. [B0081_S01_SB03_20242_Lampiran 5.6 IMPIAN 2023.pdf](#)
3. [B0081_S01_SB03_20243_Lampiran 5.7 Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar \(KPOP\).pdf](#)
4. [B0081_S01_SB03_20244_Lampiran 5.8 - Laporan Program Keusahawanan 2023 \(Engine Ramadhan Fest\).pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

KPK amat menitikberatkan Aduan Maklum Balas Pelanggan. Pengurusan HEP KPK percaya dengan mengukur tahap kepuasan hati dan mengambil kira aduan daripada sumber manusia dapat menambahbaik tahap perkhidmatan yang disediakan. Pengukuran dan maklumbalas ini dilakukan melalui sistem e-Cakna.

Sistem e-Cakna digunakan untuk menangani aduan pelanggan dengan lebih berkesan. Antara aduan yang diterima melalui sistem e-Cakna terbahagi kepada permasalahan, cadangan, aduan kerosak dan bantuan sokong hebahan. Sepanjang tahun 2023 terdapat 255 aduan diterima oleh pihak HEP KPK.

Permasalahan yang selalu mendapat perhatian HEP adalah berkaitan kaunseling, pinjaman komputer, wang sara hidup, bencana alam/kebakaran, kemalangan jalan raya, kemasukan wad, kematian pelajar/ keluarga dan lain-lain. Pihak HEP telah menyelesaikan permasalahan tersebut melalui saluran mengikut kategori yang berkaitan. Ianya termasuklah mengadakan sesi kaunseling, sumbangan zakat, bantuan kecemasan, bantuan pinjaman komputer riba, Projek Tabung Kecemasan Pelajar, kupon infaq makanan, gerobok rezeki, bantuan beras dan *peer tutoring*.

Semua maklumbalas dan permohonan e-Cakna ini dibaca, disemak dan diambil tindakan oleh Dekan HEP dan dibantu oleh Ketua-Ketua dan Koordinator. Bilangan aduan yang dapat diselesaikan dan penerima-penerima bantuan akan dibentangkan di Mesyuarat Eksekutif HEP KPK dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif KPK (JKE) yang diadakan sebulan sekali (**Lampiran 5.9**).

Selain daripada e-Cakna pemantauan dari aduan maklumbalas pelajar juga diperolehi melalui seperti *facebook*, *instagram* dan *twitter* rasmi, warga KPK dan pelajar.

Dari sudut pemantauan, semua aduan dan tindakan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keraian & Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) untuk pemakluman dan tindakan. Mesyuarat ini diadakan setiap bulan. Mesyuarat Eksekutif HEP KPK membuat penilaian bagi semua pelaporan aktiviti pelajar untuk melihat keberkesanan peranan Penasihat yang terdiri dari kalangan pensyarah dalam penganjuran program pelajar. Mesyuarat Eksekutif KPK (JKE) diadakan setiap bulan untuk mendengar isu-isu yang berkaitan Sumber Manusia HEP KPK. Contohnya pelantikan dan penggantian jawatan Ketua, Koordinator dan Penyelaras.

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_S01_SB04_SC01_20241_Lampiran 5.9 - Sampel Minit Mesyuarat JEKP bil 32_2023_14 November 2023.pdf](#)

- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kegagalan sumber manusia dalam hal ehwal pengurusan dan pembangunan pelajar boleh menjejaskan pelaksanaan aktiviti/inisiatif strategik yang dirancang oleh HEP KPK. Sehubungan dengan itu, sebagai mekanisme untuk mengelakkan risiko ini, pihak KPK dibawah Dekan-Dekan, Ketua-Ketua HEP dan Koordinator HEP sentiasa memantau pelaksanaan aktiviti yang telah diluluskan. Berikut antara jenis risiko yang telah didaftar dalam Sistem e-RMS dan pelan tindakan pencegahan yang dilaksanakan di peringkat KPK:

1. Keselamatan Pelajar
2. Masalah Kesihatan Mental
3. Kekangan Kewangan untuk Aktiviti Pelajar
4. Kurang sambutan dalam penyertaan aktiviti pelajar

Bagi mengatasi halangan yang dikenal pasti, warga KPK telah mengambil inisiatif untuk menangani risiko yang bakal berlaku dengan tindakan berikut (**Lampiran 5.10**):

a) Keselamatan Pelajar

Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA), KPK mengadakan taklimat keselamatan kepada semua pelajar di awal semester. Perkara yang telah dimaklumkan kepada pelajar adalah berkaitan dengan kebakaran dan keselamatan didalam bilik kuliah dan makmal. Penyediaan poster keselamatan dan pelan kebakaran telah dibuat.

b) Masalah kesihatan Mental

Pemantauan kesihatan mental pelajar KPK dilaksanakan oleh Unit Kesejahteraan dan Kebajikan HEP KPK yang diketuai oleh Ketua Unit tersebut. Kesihatan mental KPK juga dipantau oleh Penasihat Akademik. Pelajar yang dikenalpasti mempunyai masalah mental akan di rujuk kepada kaunselor UiTM. Di setiap awal semester, taklimat Unit Kaunseling dan program *Mental Health* dibuat.

c) Kekangan Kewangan untuk Aktiviti Pelajar

Kekangan ini boleh diatasi dengan memohonan sumbangan daripada pihak luar seperti industri dan juga individu termasuk warga KPK. Sumbangan ini telah membantu pelajar dalam menjalani aktiviti.

d) Kurang sambutan dalam penyertaan aktiviti pelajar

Penyertaan aktiviti pelajar dirancakkan melalui hebahan dan promosi di media sosial serta penasihat program, termasuk Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Meningkatkan pemantapan pengurusan aktiviti pelajar dan kerjasama bersama PA serta Pensyarah dalam edaran pemakluman program. KPK juga menjalankan kerjasama program pelajar bersama kolej kediaman bagi tujuan pemberian merit.

Semua inisiatif yang telah diambil seperti di atas boleh merujuk kepada Daftar Risiko Pusat Bertanggungjawab, KPK (**Lampiran 5.10**). Secara keseluruhannya, pembabitan pelajar, pensyarah dan industri dalam aktiviti-aktiviti KPK sepanjang tahun dilihat sebagai memberi manfaat yang besar kepada pelajar dan universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_S01_SB04_SC02_20241_Lampiran 5.10 – Daftar Risiko HEP \(Disember 2023\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.

5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam proses mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan pencapaian bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, tiga (3) kaedah telah digunakan oleh HEP KPK dan dihuraikan seperti berikut :

i. Tindakan yang Diambil Bagi Memastikan Persekitaran Kerja dan Sistem Kerja yang Kondusif.

KPK menekankan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi membantu proses pembangunan pelajar. Antara tindakan yang dilaksanakan oleh pihak KPK adalah seperti:

- a. Penyediaan Bilik Persatuan Pelajar bagi membolehkan pelajar berkumpul dan berbincang dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan pelajar bersama Penasihat Program. Sebanyak 23 ruang untuk kegunaan Persatuan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Ruang KPK. Ruang ini disediakan supaya ahli Persatuan dapat duduk berbincang mengenai aktiviti yang dijalankan (**Lampiran 5.11**).
- b. Bilik kuliah dilengkapi dengan pendingin hawa, LCD, kerusi dan meja untuk keselesaan pelajar. KPK telah mengambil inisiatif untuk membaik pulih kerusi dan pembesar suara yang rosak di Dewan Kuliah untuk keselesaan pengguna;
- c. Menganjurkan Aktiviti Gotong Royong bagi memastikan kebersihan dan keceriaan ruang KPK (**Lampiran 5.12**);
- d. Menganjurkan Program Jom Sihat bagi memastikan staf sentiasa aktif dan bertenaga dalam melaksanakan tugas harian (**Lampiran 5.13**); dan
- e. Menyediakan peruntukan bagi menjalani sesi latihan kepada warga KPK.

ii. Maklumbalas Sumber Manusia

Warga KPK boleh memberikan maklumbalas kepada pihak pengurusan menerusi pelbagai medium yang tersedia. Pihak pengurusan KPK mengamalkan konsep "pintu terbuka" untuk menerima pandangan dan cadangan warga KPK. Antara platform yang digunakan termasuklah medium *WhatsApp's*, emel dan mesyuarat akademik / Mesyuarat Pengurusan Eksekutif HEP KPK, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif KPK dan Sesi Soal Jawab Bersama PNC (**Lampiran 5.14**).

iii. Aktiviti Sosial dan kebajikan staf

Jawatankuasa Kebajikan Staf KPK dibentuk (Lampiran 5.15) untuk menjalankan aktiviti yang dapat meningkatkan "Happiness Index" contohnya:

- a. Majlis Hari Raya (2023) (**Lampiran 5.16**)
- b. Pertandingan sajak dan sukaneka sempena Hari Kemerdekaan (2023) (**Lampiran 5.17**)
- c. Majlis Apresiasi Staf (2023) (**Lampiran 5.18**)
- d. Pertandingan Boling (2023) (**Lampiran 5.19**)
- e. Sukan antara staf KPK (2023) (**Lampiran 5.20**)

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_S01_SB04_SC03_20241_Lampiran 5.11 - Ruang Pelajar \(Perkhidmatan Sokongan\).pdf](#)
2. [B0081_S01_SB04_SC03_20242_Lampiran 5.12 - Program Gotong Royong KPK 2023.pdf](#)

3. [B0081_S01_SB04_SC03_20243_Lampiran 5.13 - Program Jom Sihat KPK.pdf](#)
4. [B0081_S01_SB04_SC03_20244_Lampiran 5.14 - Poster Warga Tanya PNC dan Ketua Pentadbiran Jawab.pdf](#)
5. [B0081_S01_SB04_SC03_20245_Lampiran 5.16 - Lampiran 5.20.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penglibatan pelajar KPK dalam pelbagai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Program *International Young Engineers At School* dan *Malaysia Rocket Competition 2023* (**Lampiran 5.21**) menunjukkan keterlibatan pelajar yang aktif dalam pendidikan, penyelidikan dan masyarakat. Penglibatan yang aktif juga menunjukkan pelajar mempunyai kemahiran pembelajaran dan inovasi yang unggul. Pengoptimuman kemahiran dan bakat pelajar dapat dilihat melalui penyertaan pelajar dalam pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Staf KPK turut terlibat sama ada sebagai Penasihat mahupun Pegawai Pengiring bagi memastikan keselamatan pelajar dan mencapai objektif aktiviti.

Dasarnya, pengurusan dan promosi aktiviti sangkutan pelajar dengan industri, badan bukan kerajaan (NGO) (**Lampiran 5.22**), agensi kerajaan dan masyarakat yang efisien berupaya menjadi sokongan yang kukuh dalam meningkatkan jumlah program pembangunan pelajar. Hal ini selari dengan Visi dan Misi KPK dan UiTM untuk mempertingkatkan keilmuan pelajar dalam bidang kejuruteraan menerusi penglibatan pelajar yang berlandaskan nilai-nilai murni dan etika professionalism yang tinggi. Walaupun terdapat kekangan peruntukan kewangan, namun para pelajar masih menjalankan projek pembangunan pelajar seperti khidmat masyarakat yang dijalankan sewaktu lawatan akademik dengan sokongan KPK

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_S01_SB05_20241_Lampiran 5.21 - Pertandingan MRC \(Malaysia Rocket Competition\) 2023.pdf](#)
2. [B0081_S01_SB05_20242_Lampiran 5.22 - LAPORAN BERSAMA NGO \(PROGRAM NATURE AND YOU\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan dan Pembangunan pelajar mengamalkan model Plan-Deployment-Check-Action (PDCA) dengan mengintegrasikan elemen Approach-Deployment-Learning-Integration (ADLI) dalam menyediakan rangka kerja yang kukuh dalam proses penganjuran dan pelaksanaan aktiviti pelajar.

Bermula dengan fasa **Plan (Perancangan)**, di mana projek-projek utama telah dirangka untuk mencapai penunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Objektif penganjuran atau pelaksanaan aktiviti ditakrifkan dengan jelas. Strategi kemudian diperincikan untuk menggariskan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai objektif ini dengan mengenalpasti aktiviti-aktiviti utama yang perlu dijalankan. Pengagihan sumber juga ditentukan dalam fasa ini, termasuk bajet, sumber dana luar dan sokongan dikenal pasti. Pengarah dan pengurus projek juga ditetapkan bagi memastikan projek-projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Fasa seterusnya adalah **Deploy (Pelaksanaan)**, di mana strategi yang dirancang dilaksanakan. Ini melibatkan prosedur penganjuran aktiviti yang berbentuk kepimpinan dan pembangunan pelajar, serta pelaksanaan aktiviti kebajikan dan kesejahteraan pelajar. Prosedur-prosedur ini disediakan untuk memastikan pentadbiran aktiviti pelajar KPK dapat dijalankan dengan teratur dan lancar merujuk ketetapan HEP UiTM induk. Di antara proses yang terlibat adalah permohonan untuk menganjurkan aktiviti, pelaporan aktiviti, tuntutan kewangan dan permohonan sijil penyertaan. Untuk aktiviti kebajikan pelajar, terdapat prosedur untuk permohonan bantuan kewangan pelajar dan bantuan kematian pelajar/ibu/bapa/penjaga dari tabung kecemasan, bantuan kauseling dan bantuan pinjaman laptop. Prosedur penganjuran program modul Pembangunan kerjaya (MPK), hebahan program persatuan, serta aduan fasiliti bilik persatuan pelajar juga digariskan untuk kesejahteraan pelajar. Prosedur pemantauan sahsiah rupa diri (SRD) pelajar turut dilaksanakan dalam membentuk profesionalisme pelajar.

Fasa **Check (Pembelajaran)** menekankan kepentingan menilai hasil dan membuat keputusan berdasarkan data. Mesyuarat berkala diadakan untuk membincangkan hasil aktiviti operasi, menangani isu, dan membuat pelarasan yang diperlukan. Proses semakan ini membantu dalam memperhalusi strategi dan meningkatkan keberkesanan keseluruhan program pelajar.

Akhirnya, fasa **Act (Integrasi)** memastikan semua usaha selaras dengan objektif universiti dan keperluan pihak berkepentingan. Ini memerlukan kerjasama berterusan antara jabatan universiti dan institusi luar bagi mejayakan pelaksanaan aktiviti dan kebajikan pelajar.

Dengan mengikuti pendekatan bersepadu PDCA-ADLI ini, pengurusan dapat memastikan proses yang sistematik untuk menganjurkan aktiviti pelajar dengan lebih berkesan dan berimpak tinggi.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam usaha mencapai pengurusan dan pembangunan pelajar yang berkesan, pendekatan strategik dan terstruktur digunakan. Pendekatan ini melibatkan beberapa elemen penting, termasuk Piagam Pelanggan, Carta Fungsi HEP KPK, perancangan strategik, dan kebajikan pelajar. **Piagam Pelanggan** merupakan pernyataan komitmen HEP KPK terhadap pelajar, staf, dan organisasi luar, memastikan standard perkhidmatan yang tinggi (**Lampiran 6.1**). Ia melibatkan aspek seperti responsif terhadap keperluan pelajar, ketelusan dalam proses, dan keberkesanan pelaksanaan program. Sebagai contoh, Piagam ini menetapkan tempoh maklumbalas untuk aduan, pemakluman keputusan permohonan, dan pemprosesan tuntutan kewangan, yang memastikan kualiti perkhidmatan tetap konsisten.

Carta Fungsi HEP pula memperincikan struktur organisasi dan peranan setiap unit dalam pembangunan dan pengurusan pelajar (**Lampiran 6.2**). Tiga (3) unit utama dalam HEP KPK iaitu Pentadbiran dan Operasi, Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar, serta Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar, memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti. Dengan struktur yang jelas ini, tanggungjawab setiap unit ditentukan dengan jelas, mengelakkan pertindihan tugas dan memastikan fokus terhadap misi universiti tercapai.

Pendekatan **strategik** dalam pelaksanaan program melibatkan perancangan yang teliti dan strategi berkesan untuk mencapai petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) (**Lampiran 6.3**). Contohnya, program SULAM menggabungkan objektif pembelajaran dengan perkhidmatan masyarakat, memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna sambil memenuhi keperluan komuniti. Setiap pusat pengajian diwajibkan untuk menganjurkan sekurang-kurangnya satu projek SULAM antarabangsa (i-SULAM) bagi memastikan penyertaan aktif dalam program yang menyokong pembelajaran berasaskan komuniti.

Selain itu, **program sukarelawan antarabangsa** dirancang dengan kerjasama pelbagai agensi seperti industri, kerajaan dan NGO. Kerjasama dengan universiti antarabangsa dan pejabat konsulat di Malaysia membuka peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam aktiviti sukarelawan di peringkat antarabangsa, memperluas jaringan dan meningkatkan pengalaman mereka dalam suasana yang berbeza.

Untuk mengukuhkan **nilai patriotisme** dan menanamkan nilai ESI-IDART di kalangan pelajar, pelbagai program dianjurkan oleh HEP KPK. Program-program ini dibahagikan kepada tema-tema seperti kerohanian, kepimpinan dan pembangunan profesional. Dengan pendekatan ini, pelajar dapat menyertai aktiviti yang selaras dengan minat dan keperluan mereka, sambil membangunkan kemahiran yang relevan untuk masa depan mereka.

Kerjasama dengan syarikat-syarikat besar dan start-up adalah strategi penting dalam meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Program-program seperti 'Finishing School', 'Peningkatan Kompetensi' dan 'Industri bersama Pelajar' memastikan pelajar mendapat pendedahan dan latihan yang sesuai dengan keperluan industri.

Peningkatan **kemahiran komunikasi** pelajar di peringkat antarabangsa juga diberi penekanan melalui program seperti 'Smart Young Global Leaders' dan 'Young Inventors and Innovators'. Pelajar dikenalpasti untuk menyertai program-program antarabangsa yang membolehkan mereka mengasah kemahiran komunikasi dan kepimpinan dalam suasana global.

Selain itu, pelajar digalakkan menyertai **program antarabangsa** termasuk program inbound dan outbound yang dianjurkan oleh universiti dengan kerjasama institusi lain dan sokongan Unit Antarabangsa. Program yang diadakan secara fizikal atau maya ini dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka.

Akhirnya, **kebajikan pelajar** adalah aspek kritikal yang merangkumi penyediaan perkhidmatan sokongan berfokus kepada kesejahteraan fizikal, mental, dan emosi pelajar. Contohnya,

program akan membantu pelajar mengatasi tekanan akademik dan tekanan persekitaran disediakan untuk memastikan mereka dapat berfungsi dengan optimum.

Dengan pendekatan ini, pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dijalankan dengan lebih berkesan, memastikan manfaat maksimum kepada pelajar dari setiap program dan aktiviti yang dianjurkan.

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_O01_OB02_20241_Lampiran 6.1_Piagam Pelanggan HEP KPK.pdf](#)
2. [B0081_O01_OB02_20242_Lampiran 6.2_CARTA FUNGSI BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR.pdf](#)
3. [B0081_O01_OB02_20243_Lampiran 6.3_PERANCANGAN STRATEGIK HEP KPK 2023_12062022.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan (Deployment) adalah proses mengaplikasikan strategi dan rancangan yang telah disediakan untuk mencapai objektif Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Proses ini memastikan maklumat dan prosedur disebarluaskan untuk kegunaan pelajar dan warga KPK secara khusus, serta makluman awam secara umum. Pihak HEP KPK mempunyai laman web khas untuk menyalurkan informasi berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar, di mana panduan proses utama boleh didapati. Selain itu, laman sosial seperti Telegram, Instagram, Facebook, dan YouTube juga digunakan untuk tujuan ini (**Lampiran 6.4**).

Untuk permohonan penganjuran aktiviti pelajar, pelajar hendaklah menghantar kertas kerja secara atas [talian](#) untuk dinilai oleh pihak pengurusan dan dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keraian dan Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) (**Lampiran 6.5**). Aktiviti kepimpinan dan pembangunan pelajar dikategorikan dalam bidang akademik, kebudayaan, kerohanian, kesukarelawan, teknologi, inovasi, sukan, rekreasi, dan keusahawanan. Program SULAM melibatkan pensyarah dan pelajar yang membuat permohonan aktiviti secara atas [talian](#). Kertas kerja haruslah mengikut format yang ditetapkan melampirkan borang Permohonan Aktiviti Pelajar dan borang pemetaan elemen KI-PO-PLO-LOD-SDG-IR 4.0. Untuk aktiviti yang melibatkan penceramah luar, CV penceramah perlu dilampirkan. Kertas kerja perlu menyatakan tujuan, objektif, kumpulan sasaran, butiran program, aturcara, jawatankuasa pelaksana, serta implikasi kewangan (**Lampiran 6.6**). Peruntukan kewangan RM500 ke bawah tertakluk kepada kelulusan PNC kolej, manakala peruntukan melebihi RM500 tertakluk kepada kelulusan JKPAP.

Setelah tamat program, pelaporan aktiviti dan tuntutan kewangan dihantar secara atas talian, dengan melampirkan borang penilaian aktiviti dan laporan penutup aktiviti. Tuntutan kewangan memerlukan surat permohonan tuntutan, resit asal, dan borang honorarium penceramah. Penganjur juga boleh memohon sijil bagi menggalakkan penyertaan pelajar dalam program yang dianjurkan.

Dalam penganjuran program Modul Pembangunan Kerjaya (MPK), pengurusan menyediakan unjuran pelajar yang terlibat dan menghantar permohonan peruntukan ke Institut Kepimpinan Pelajar (IKP). Kertas kerja dibentangkan oleh penyelar program untuk kelulusan JKPAP. Program ini melibatkan sesi ceramah oleh penceramah jemputan dan tiga sesi latihan dalam kumpulan (LDK) yang dipimpin oleh fasilitator. Selepas tamat program, laporan tugas LDK, laporan fasilitator dan laporan kehadiran diteliti untuk menilai keberkesanan program.

Untuk aktiviti kebajikan dan kesejahteraan pelajar, platform **e-Cakna** digunakan untuk memohon bantuan kewangan, kaunseling, pinjaman laptop, hebahan program persatuan pelajar, dan aduan fasiliti (**Lampiran 6.7**). Pihak pengurusan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan jenis bantuan yang dimohon. Bagi bantuan kewangan, jumlah peruntukan ditetapkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JKEP). Untuk bantuan kaunseling, pelajar dirujuk kepada Pusat Kerjaya dan Kaunseling (PKK). Aduan fasiliti disalurkan ke [e-Aduan Fasiliti](#) jika melibatkan fasiliti UiTM.

Dalam pemantauan sahsiah rupa diri (SRD) pelajar, jadual pemantauan dan borang rekod pelanggaran SRD disediakan untuk tindakan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar (PBTP). Kesalahan SRD akan diambil tindakan oleh pihak HEP KPK.

Dengan mengikuti proses kerja ini, HEP KPK memastikan bahawa semua aspek pengurusan dan pembangunan pelajar dirancang dan dilaksanakan dengan teliti, meningkatkan keberkesanan aktiviti dan kepuasan pelajar serta mencapai objektif yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI :

1. B0081 O01 OB03 20241 [Lampiran 6.4 Laman web dan media sosial HEP KPK.pdf](#)

-
2. [B0081_O01_OB03_20242_Lampiran 6.5_PK.UiTM.KPKP.\(O\).30 - PROSEDUR PENGANJURAN AKTIVITI PELAJAR_HEP KPK.pdf](#)
 3. [B0081_O01_OB03_20243_Lampiran 6.6_contoh Kertas Kerja.pdf](#)
 4. [B0081_O01_OB03_20244_Lampiran 6.7_PROSEDUR PELAKSANAAN AKTIVITI KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN PELAJAR - 20052024-SUBMIT TO UKS.pdf](#)
 - 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam elemen "Check" di bawah model PDCA, tumpuan diberikan kepada proses semakan dan penilaian hasil dari aktiviti operasional. Semakan ini dilakukan melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala, di mana keputusan diambil berdasarkan data dan maklum balas yang dikumpulkan. Dalam mesyuarat ini, hasil pelaksanaan program dan aktiviti dibincangkan dengan mendalam, termasuk pencapaian objektif, isu-isu yang timbul, dan cabaran yang dihadapi. Perbincangan ini melibatkan semua pihak berkepentingan yang relevan, dari pelajar hingga pihak pengurusan, untuk memastikan pandangan yang menyeluruh dan inklusif. Isu-isu yang dikenalpasti dalam mesyuarat ini akan dibahas, dan keputusan diambil untuk menangani masalah tersebut. Keputusan ini mungkin melibatkan penyesuaian strategi, peruntukan semula sumber, atau pengenalan prosedur baru untuk memperbaiki keberkesanan pelaksanaan pada masa hadapan. Dengan cara ini, proses "Check" bukan hanya menilai apa yang telah dicapai tetapi juga merangka tindakan yang lebih baik untuk masa depan berdasarkan data dan maklum balas yang tepat.

Terdapat dua mesyuarat yang terlibat dalam pemantauan program iaitu Mesyuarat JKPAP (**Lampiran 6.8**) di bawah Jawatankuasa Keraian dan Pengurusan Aktiviti Pelajar, dan Mesyuarat Eksekutif HEP KPK (**Lampiran 6.9**). Mesyuarat JKPAP bertujuan menyemak dan meluluskan permohonan pelajar yang mempunyai peruntukan melebihi RM500. Selain daripada itu, permohonan aktiviti baharu yang dianjurkan oleh persatuan atau subjek turut disemak dan diluluskan untuk pelaksanaan. Seterusnya, Mesyuarat Eksekutif HEP KPK membincangkan pemakluman daripada Dekan, Pencapaian PI HEP, Perkongsian, pelaporan dan isu Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Ketua Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar, Pentadbiran, dan Hal-hal lain.

SENARAI BUKTI:

1. [B0081_O01_OB04_OC01_20241_Lampiran 6.8_MINIT MESYUARAT JKPAP KPK KALI KE-31 BIL 10 2023.pdf](#)
2. [B0081_O01_OB04_OC01_20242_Lampiran 6.9_Bil 11-2023 Minit Mesyuarat Eksekutif HEP KPK Dis 2023-05122023.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko adalah sesuatu keadaan luar jangka yang boleh memberi kesan positif atau negatif dan boleh menjadi halangan kepada pencapaian objektif organisasi. Dalam pengurusan aktiviti pelajar, terdapat risiko yang telah dikenalpasti, iaitu keselamatan pelajar dan perkembangan program aktiviti pelajar. Antara risiko keselamatan pelajar adalah melibatkan ancaman covid-19, kecederaan dan kemalangan ketika aktiviti, dan masalah kesihatan mental pelajar. Manakala antara risiko perkembangan program aktiviti adalah melibatkan kewangan, penyertaan pelajar, dan program tidak berimpak (**Lampiran 6.10**).

Bagi mengatasi risiko kecederaan dan kemalangan dikalangan pelajar ketika pelaksanaan aktiviti, kawalan sedia ada diwujudkan adalah mengadakan Taklimat Keselamatan dan Kesihatan, disamping penyediaan poster Keselamatan dan Pelan Kebakaran. Bagi risiko penyertaan pelajar, program-program aktiviti dicadangkan untuk dilaksanakan berdasarkan bidang penjurusan (*niche area*) pelajar sebagai contoh program *Green Concrete Talk*, dan *Reinforced Concrete Design Talk* yang dianjurkan oleh Persatuan Dalam PKA KPK dibawah Concrete Society Malaysia (CSR) Program.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_O01_OB04_OC02_20241_Lampiran 6.10_HEP Daftar Risiko 2023 \(Perbincangan pada 25072023\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil dari maklum balas yang dikumpulkan ketika pelaksanaan aktiviti menjurus kepada pengkajian semula, seterusnya penambahbaikan. Penambahbaikan ini bertujuan untuk menangani isu atau kelemahan yang dikenalpasti ketika aktiviti dijalankan. Penambahbaikan untuk setiap program aktiviti perlu dirancang supaya program akan datang dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Budaya pembelajaran dan penambahbaikan berterusan dipupuk dengan kerap mengkaji dan mengemaskini proses perancangan dan pelaksanaan, serta menggalakkan maklumbalas dan cadangan berterusan daripada semua pihak berkepentingan. Strategi dan amalan terbaik didokumentasikan untuk rujukan masa depan, mencipta garis panduan atau templat untuk merancang masa depan dengan lebih mudah. Tindakan penambahbaikan akan dimasukkan dalam Mesyuarat Eksekutif bagi membincangkan tindakan dan kemajuan tindakan.

Perubahan pembudayaan operasi dilaksanakan berdasarkan keadaan semasa yang disebabkan beberapa faktor seperti kekangan kewangan dan penyertaan pelajar. Antara perkara yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah kewangan kolej adalah dengan mengurangkan bayaran honorarium kepada staf atau penceramah jemputan daripada 100% kepada 70% daripada jumlah asal. Selain itu, dengan meningkatkan jaringan dengan alumni dan industri luar melalui kolaborasi, pelajar-pelajar digalakkan mencari dana kewangan dengan mendapatkan tajaan daripada pihak luar seperti sektor swasta. Program yang melibatkan integrasi dengan pihak luar adalah seperti program *Student Excellence and Leadership for Engineers* (SELECT) (**Lampiran 6.11**) dan *Institution of Chemical Engineers Student Chapter Malaysia Competition and Convention 2023* (ICMCC 2023) (**Lampiran 6.12**).

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_O01_OB04_OC03_20241_Lampiran 6.11_LAPORAN- SELECT.pdf](#)
2. [B0081_O01_OB04_OC03_20242_Lampiran 6.12_LAPORAN- ICMCC.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Elemen "*Integration*" dalam model PDCA menekankan kerjasama antara unit dalam universiti dan pihak berkepentingan luar. Integrasi memastikan semua aktiviti dan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan efektif dan selaras dengan objektif universiti. Sebagai contoh program pembangunan kepimpinan pelajar berkolaborasi dengan Institut Kepimpinan Pelajar (IKP) dan fakulti-fakulti yang terlibat. Pelaksanaan program SULAM (*Service-Learning Malaysia University for Society*) pula memerlukan kerjasama antara fakulti, HEP KPK, Unit Jaringan Komuniti (ICPC), dan Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Unit Hal Ehwal Akademik (HEA) bertanggungjawab terhadap aspek akademik program, sementara HEP KPK bertanggungjawab menangani aspek kebajikan pelajar. Sebelum tahun 2022, program SULAM dilaksanakan dalam negara, namun selepas 2022, HEP KPK memfokuskan program komuniti antarabangsa (i-SULAM) melibatkan kerjasama HEP KPK, ICAN, pensyarah, dan pelajar KPK UiTM. Dengan kerjasama erat antara unit, sumber daya dapat dioptimumkan, seterusnya pelaksanaan program menjadi lebih terselaras dan efisien. Permohonan program perlu melalui laluan dalaman UiTM, HEP induk iaitu Timbalan Naib Canselor (TNC) HEP yang mempunyai autoriti meluluskan program dalam dan luar negara (**Lampiran 6.13**). Permohonan sumbangan juga perlu melalui TNC HEP. Permohonan kebenaran pegawai pengiring diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), dan kelulusan melalui mesyuarat di pejabat Naib Canselor (NC) sekiranya lokasi luar negara. Kebenaran penyertaan pelajar diputuskan melalui mesyuarat dalaman JKPA. Permohonan surat pelepasan waktu kuliah pula memerlukan kelulusan Pejabat HEA dan Penolong Naib Canselor (PNC). Integrasi dengan kerjasama pihak luar mengutamakan institusi yang mempunyai MOU dan MOA dengan UiTM, dimana proses pelaksanaan program perlu melalui unit ICAN.

Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar (UPKP) HEP UiTM memberi bantuan menyeluruh dengan menyelaraskan bantuan kewangan pelajaran dibawah skop biasiswa dan pinjaman dari Kerajaan Negeri, Yayasan Negeri, Badan-badan Korporat, serta orang perseorangan yang menawarkan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar di UiTM. Selain itu, UPKP juga berfungsi sebagai unit bantuan kewangan. Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM meliputi sadaqah wajib (zakat), sunat (sedekah), jariah (wakaf) serta filantropi lain seperti kebajikan warga dan kesukarelawan. Unit ini memberikan perkhidmatan berteraskan 3 kuasa amanah ini bagi seluruh warga UiTM. Unit ini merangkumi Pusat Zakat, Pusat Kesihatan, Polis Bantuan UiTM, dan Unit Kebajikan Pelajar UiTM.

HEP KPK turut mewujudkan sumber dana yang diberikan nama Projek Tabung Kecemasan dan Kebajikan Pelajar KPK (**Lampiran 6.14**). Tabung Projek ini diuruskan dibawah Jawatankuasa Tabung Amanah yang dipengerusikan oleh PNC KPK. Jawatankuasa ini bersidang sebulan sekali bagi membincangkan dan meluluskan pengeluaran dana kepada pelajar yang berkaitan. Antara bantuan yang dihulurkan adalah bantuan kemalangan, kematian dan apabila ditimpa bencana alam. Dari tabung ini juga, sebanyak lima (5) unit komputer riba berspesifikasi tinggi telah diberi pinjaman kepada pelajar yang berkeperluan. Sumber dana Projek Tabung ini adalah dari sumbangan perseorangan, alumni dan industri.

Dengan integrasi yang berkesan, semua program dan inisiatif pelajar bukan sahaja selaras dengan objektif institusi, tetapi juga memenuhi keperluan dan harapan komuniti, industri, dan pihak berkepentingan lain. Ini akhirnya akan meningkatkan impak keseluruhan aktiviti pelajar serta menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar dan masyarakat.

SENARAI BUKTI :

1. [B0081_O01_OB05_20241_Lampiran 6.13_Surat kelulusan \(SULAM\) - MALAYSIA-INDONESIA INTERNATIONAL SULAM COLLABORATION ROAD FURNITURE APPRAISAL.pdf](#)
2. [B0081_O01_OB05_20242_Lampiran 6.14 Tabung kecemasan pelajar.pdf](#)

3.

4.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Utama 1 menghuraikan pencapaian dengan **penekanan khusus pada Performance Index (PI) yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU)**. Hasil yang ditonjolkan merangkumi pencapaian 14 PI tahun 2021, manakala 9 PI bagi tahun 2022 dan 2023 di bawah Hal Ehwal Pelajar (HEP) Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK).

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil 1 menekankan pencapaian aktiviti pelajar dan program yang berkaitan dengan **pembelajaran berasaskan perkhidmatan, sukarelawan, kepimpinan, kerjaya, kemahiran komunikasi dan penglibatan antarabangsa**. Tiga aspek utama yang ditekankan dalam mencapai Globally Renowned University (GRU) 2025 di bawah *Strategic Trust* UiTM yang pertama iaitu Pendidikan Berkualiti yang merangkumi aspek *Education 5.0, Entrepreneurial and Well Balanced Graduates* dan *Wideband Access* menjadi asas pegangan penetapan KPI. Seksyen ini menunjukkan pencapaian yang diraih oleh HEP KPK sepanjang tiga tahun iaitu **2021, 2022 dan 2023**. Setiap tahun, ianya menunjukkan prestasi yang berbeza, dengan pencapaian yang signifikan dalam pelbagai aspek pembangunan pelajar dan penglibatan komuniti. Melalui analisa yang dilaksanakan, seksyen ini menilai sejauh mana pencapaian sasaran KPK bagi 3 tahun yang telah ditetapkan, perbandingan, tren pencapaian serta huraian kejayaan utama.

HEP KPK telah mencapai 14 PI 100% pada tahun 2021. Bermula dari tahun 2022, terdapat perubahan pada penetapan sasaran PI oleh BTU. Antara elemen PI yang dinaiktaraf adalah aktiviti pembelajaran berasaskan perkhidmatan komuniti, bilangan komuniti yang terlibat dengan kursus ber kredit dalam aktiviti pembelajaran perkhidmatan, bilangan pelajar prasiswazah yang terlibat dalam aktiviti berkaitan kursus ber kredit berkaitan pembelajaran perkhidmatan, bilangan pelajar yang terlibat dalam program kesukarelawanan, bilangan pelajar yang terlibat dalam program kepimpinan, bilangan pelajar menyertai aktiviti kerjaya, peratusan kepuasan pelajar terhadap program bimbingan kerjaya, bilangan pelajar yang terlibat dalam program berkaitan kemahiran komunikasi dan bilangan penglibatan pelajar dengan rakan sebaya antarabangsa. Walaubagaimanapun, HEP KPK terus menunjukkan prestasi cemerlang dengan banyak mencapai atau melebihi sasaran yang ditetapkan.

Program-program seperti **SULAM, sukarelawan antarabangsa dan kemahiran komunikasi antarabangsa** menunjukkan komitmen HEP KPK yang kuat terhadap perspektif global, memperkukuh pengantarabangsaan dalam kalangan pelajar. Dalam aspek inovasi dan teknologi, pencapaian tinggi dalam aktiviti ciptaan dan inovasi serta *e-sport* menunjukkan penekanan HEP KPK dalam memastikan pengetahuan pelajar seiring dengan arus perkembangan teknologi dan kreativiti. Data juga menunjukkan pencapaian ciri atribut pelajar yang seimbang antara pembangunan akademik, profesional dan sosial pelajar untuk perkembangan holistik mereka. Pencapaian dalam program patriotisme dan ESI i-DART menggambarkan komitmen HEP KPK untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai nilai-nilai kebangsaan, menekankan kepentingan pembangunan nilai-nilai sosial dan patriotisme di kalangan pelajar.

Pencapaian HEP KPK dalam pelbagai program dan aktiviti pada **tahun 2023** menjadikan ianya PTJ yang cemerlang dalam **Pengurusan dan Pembangunan pelajar**. HEP KPK berjaya mencapai atau melebihi sasaran yang ditetapkan dalam hampir semua kategori, termasuk **program SULAM antarabangsa, program kesukarelawan antarabangsa, program kepimpinan dan aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan industri**. Peningkatan ketara dilihat dalam penglibatan pelajar dalam aktiviti **e-sport** dan **inovasi**, mencatatkan pencapaian melebihi sasaran.

Secara keseluruhan, persiapannya menunjukkan kemampuan yang telah sangat mengarahkan pelajar dengan pengalaman yang menyeluruh dan berkualitas tinggi, sekaligus menunjukkan prestasi cemerlang HEP KPK.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_B0081_HB02_20241_7.1.2 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_B0081_HB03_20242_7.1.3 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_B0081_HB04_20243_7.1.4 - PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_B0081_HB05_20244_7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Utama 2 menghuraikan hasil pencapaian dari tumpuan pelanggan yang telah dilaksanakan dan dicapai oleh PTJ iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Pengajian Kejuruteraan (HEPKPK). Pelaporan merangkumi hasil pencapaian tahap, tren, perbandingan dan kepentingan dari tumpuan kepada pelanggan. Hasil yang diketengahkan ini melibatkan data dari September 2022 sehingga Jun 2024.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil Utama bagi Seksyen ini adalah merujuk kepada pencapaian hasil dari tumpuan kepada pelanggan iaitu pelajar. Tiga(3) Hasil Utama yang telah dipilih untuk Seksyen ini adalah inovasi di bawah keberhasilan e-Cakna, kaunseling dan kebajikan yang dianjurkan oleh HEP KPK sepanjang 2021 sehingga 2024.

Seksyen ini mencakupi perbincangan kepada tahap, tren, perbandingan dan kepentingan yang membawa kejayaan kepada keberhasilan aktiviti-aktiviti kendalian HEP KPK. Hasil Utama yang akan ditunjukkan adalah diambil dari data e-Cakna, kaunseling dan kebajikan. Empat (4) Hasil Utama adalah terdiri daripada:

- a. Bilangan pelajar yang telah membuat aduan dan cadangan di platform e-Cakna
- b. Bilangan pelajar yang telah memohon dan menerima bantuan sesi kaunseling
- c. Bilangan pelajar yang telah menerima bantuan kewangan dari tabung kecemasan
- d. Bilangan pelajar yang telah menerima bantuan zakat dan infaq

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_B0081_HB02_20241_HASIL 2 7.2.2 TAHAP \(FINAL\).pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_B0081_HB03_20242_HASIL 2 7.2.3 TREND \(FINAL\).pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_B0081_HB04_20243_HASIL 2 7.2.4 PERBANDINGAN & PENANDA ARAS \(FINAL\).pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_B0081_HB05_20244_HASIL 2 7.2.5 KEPENTINGAN \(FINAL\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Utama 3 menghuraikan hasil pencapaian yang menumpukan kepada dua aspek utama iaitu Kepimpinan (Anugerah, Hakcipta, Pertandingan dan Program Mobiliti Pelajar) dan Pembangunan (Pembangunan Kompetensi dan Pembangunan Akademik) yang diperolehi daripada tahun 2021 hingga 2023.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil pencapaian kepimpinan pelajar ditunjukkan melalui penerimaan anugerah, hakcipta dan kemenangan di pertandingan oleh pelajar Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK). Pencapaian dari aspek kepimpinan di kalangan pelajar dapat dilihat melalui anugerah yang diperolehi oleh para pelajar melalui program di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Ia merangkumi pencapaian dalam projek inovasi, pengajaran dan pembelajaran serta tokoh kepimpinan.

Bagi pembangunan pelajar, ia dilihat dari dua (2) sudut utama iaitu Pembangunan Kompetensi dan Pembangunan Akademik Pelajar. Bagi sudut Kompetensi, dua (2) program profesional iaitu Kursus Kad Hijau (Green Card) yang melibatkan CIDB Malaysia dan *IEM Registration Day 2023* dengan kerjasama IEM Malaysia .Program Kursus Kad Hijau (*Green Card*) telah diadakan daripada tahun 2021 hingga 2023 di peringkat pengajian, universiti dan negeri. Program ini telah disertai oleh pelajar daripada empat (4) pusat pengajian. Pelaksanaan *IEM Registration Day* pula telah membantu pelajar dalam urusan pendaftaran dengan badan profesional yang berkaitan.

Bagi pembangunan akademik pelajar pula, program khidmat sosial yang dinamakan sebagai Program *Peer Web Tutoring* telah diadakan setiap semester dengan memfokuskan kepada kursus-kursus kritikal terutama yang mencatatkan kegagalan pelajar melebihi 25%. Program ini dilaksanakan melalui penglibatan pelajar rakan sebaya (Mentor dan Mentee) bagi mendorong pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dengan matlamat mengurangkan peratusan kegagalan bagi kursus kritikal yang ditetapkan pada setiap semester.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_B0081_HB02_20241_7.3.2 TAHAP \(Level\) \(1\).pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_B0081_HB03_20242_7.3.3 TREN \(Trend\).pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_B0081_HB04_20243_7.3.4 Perbandingan_ Tanda Aras \(Comparison_ Benchmarking\).docx.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_B0081_HB05_20244_7.3.5 KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)